

Sosialis



Skim Pesakit Bayar Penuh

RAKYAT TANGGUNG SENGSARA



Baca lanjut di m/s 5



Imbas kembali tahun 2016

> m/s 6, 7, 8 & 9



Rakyat Korea Selatan jatuhkan Presiden dalam 7 minggu

> m/s 14

Hak Asasi Manusia di Malaysia terus merosot

> m/s 4



Bedah siasat masalah alam sekitar di Cameron Highlands

> m/s 13

2017 Tahun Pilihan Raya?

baca lanjut di m/s 7

DASAR PERJUANGAN PARTI SOSIALIS MALAYSIA

Parti Sosialis Malaysia (PSM)

adalah satu parti politik rakyat Malaysia yang berasaskan prinsip dan ideologi sosialisme yang bersifat Perjuangan Rakyat berteraskan keadilan sosial dan ekonomi; bagi mewujudkan masyarakat demokratik yang aman, makmur, maju, berakhlak mulia dan saksama. Ia berjuang untuk memenuhi keperluan asas rakyat dan membebaskan rakyat daripada sebarang bentuk penindasan dan pemaksaan.

Bendera dan Lambang

Lambang parti ialah gengaman tangan kiri yang melambangkan perpaduan rakyat dan semangat perjuangan. Merah melambangkan perjuangan dan putih melambangkan kesucian dan keikhlasan dalam perjuangan.

Matlamat PSM

- ★ Mengamalkan prinsip sosialisme sebagai cara hidup.
- ★ Mempertahankan masyarakat demokratik dan progresif yang mengutamakan kerohanian, kemanusiaan dan keadilan sebagai asas ke arah pembangunan.
- ★ Memastikan strategi pembangunan yang mewujudkan hubungan seimbang antara keperluan sosial dan ekonomi di peringkat individu, masyarakat dan nasional.
- ★ Mengagihkan kekayaan secara adil dan saksama, Melaksanakan sistem sosioekonomi yang mempunyai mekanisme dalaman untuk menghalang penindasan dan sifat tamak.
- ★ Memberi peluang kepada rakyat berbilang kaum, jantina, agama, usia, pekerjaan dan menyertai proses mewujudkan persefahaman yang lebih jitu di kalangan kaum, agama dan budaya.
- ★ Mengukuhkan hak asasi manusia pada setiap peringkat masyarakat dan mendedahkan sebarang bentuk penindasan, nepotisme, hipokripsi dan kepalsuan.
- ★ Menghormati Perlembagaan Persekutuan yang menekankan kepada hak demokratik dan toleransi bahasa, budaya dan agama.
- ★ Menjamin kebebasan bersuara, berpersatuan dan pencapaian intelektual memberi keutamaan dalam tanggungjawab sosial terhadap kebajikan pekerja dan keluarga menjamin hak pekerja untuk menubuhkan kesatuan pekerja memberi keutamaan institusi kekeluargaan khususnya kepada wanita yang mengandung, bayi, kanak-kanak, wargatua dan mereka kurang keupayaan.
- ★ Memastikan tidak berlaku penindasan dan diskriminasi di semua peringkat bagi sektor perindustrian dan pertanian.
- ★ Mewujudkan rasa saling menghormati, memahami dan tolak ansur di kalangan semua agama dan budaya.

- ★ Menyediakan peluang pendidikan percuma di semua peringkat dengan mewajibkan pendidikan di peringkat rendah dan menengah.
- ★ Memastikan penyertaan guru dan pelajar dalam proses menentukan haluan sistem pendidikan nasional.
- ★ Melindungi alam sekitar daripada pencemaran dan pembinaan.



★ Mengurangkan birokrasi dan menghapuskan karenah birokrasi yang mengekang pembangunan.

Mengapa Kita Perlu Satu Parti Sosialis?

Sistem yang ada kini telah gagal membawa kesejahteraan kepada rakyat yang majoriti. Sistem kapitalis ini hanya mengutamakan segelintir kecil masyarakat.

Untuk menumbangkan sistem kapitalis ini perlu ada sistem Sosialis yang lebih mementingkan aspek kemanusiaan, keadilan dan pengagihan kekayaan.

Parti Sosialis ini adalah untuk membela nasib majoriti rakyat iaitu para pekerja kilang, petani, nelayan, pekerja ladang, peniaga kecil, orang Asli, pelajar, pekerja semi-profesional dan sebagainya.

Masalah rakyat bukan di antara orang Melayu, Cina dan India atau di antara orang Islam dan bukan Islam. Tetapi orang kaya dan miskin. Kekayaan negara dimiliki dan dibolot oleh segelintir kecil masyarakat, anak dan kroni mereka. Manakala rakyat yang majoriti masih belum menerima bahagian.

Parti Sosialis lebih mementingkan isu-isu asas rakyat seperti pekerjaan, rumah, tanah, alam sekitar dan sebagainya. Parti Sosialis akan menyatukan tenaga semua golongan pekerja untuk mempertahankan hak kita.

Parti Sosialis Malaysia (PSM) adalah sebuah parti yang lahir dari perjuangan rakyat akarumbi di kilang, ladang dan kawasan miskin kota. Parti ditubuhkan sebagai alat untuk kaum pekerja dan golongan berpendapatan rendah dan menengah untuk hak mereka. PSM meneruskan perjuangan menentang rasuah, penyelewengan dan perkauman golongan yang memerintah. Selagi penindasan rakyat ada, perjuangan ini akan berterusan.

Alamat ibu pejabat PSM:
Parti Sosialis Malaysia
140A, Jalan Sultan Abdul Samad, Brickfields, 50470 Kuala Lumpur.
Tel/Faks: 03-22762247
Email: pusat@partisosialis.org
Laman web: <http://partisosialis.org/>

Untuk sumbangan, sila buat cek atas nama: Parti Sosialis Malaysia
No. Akaun Maybank: 512080337313



PSM adalah anggota kepada **Gabungan Kiri**, satu usahasama antara kumpulan dan individu dalam membina gerakan kiri sebagai alternatif untuk masyarakat Malaysia. <https://gabungkiri.wordpress.com/>



DARI MEJA PENGARANG

Tahun 2017 akan menjadi satu lagi tahun yang amat mencabar untuk rakyat Malaysia. Negara kita sedang menghadapi pelbagai krisis yang serius. Krisis ekonomi, krisis alam sekitar, krisis politik, krisis pemerintah, malah politik pembangkang juga sedang berada dalam krisis.

Pemerintahan UMNO-BN di bawah pimpinan Najib Razak telah diselubungi oleh skandal demi skandal. Korupsi, salahguna kuasa, kepincangan dalam pentadbiran, kronisme dan penggunaan akta-akta yang zalim untuk menindas mereka yang mencabar kekuasaan pemerintah, telah menjadi amalan biasa untuk pemerintahan UMNO-BN, malah semakin serius di bawah Najib Razak. Rakyat biasa yang menjadi mangsa untuk menanggung segala kerugian akibat daripada penyelewengan pemerintah. Regim Najib sedang menghadapi krisis yang serius, iaitu krisis kebangkrapan politik.

Namun, amat mengecewakan rakyat yang inginkan perubahan adalah, parti-parti pembangkang aliran utama tidak mampu menggunakan kesempatan krisis politik dalam regim pemerintah untuk mengajukan alternatif yang mantap supaya menggantikan regim yang korup dengan pentadbiran baru yang mempunyai visi perubahan yang jelas. Krisis dalam pembangkang terjadi kerana berlakunya perebutan kuasa, kesempitan pandangan sesetengah pemimpin dan ketandusan idea atau semangat untuk memperjuangkan kepentingan rakyat marhaen. Keadaan pembangkang dalam krisis telah memberi peluang kepada golongan oportunis yang keluar daripada

kelompok pemerintah untuk menukar wajahnya menjadi seolah-olah jaguh pejuang rakyat untuk menyelamatkan Malaysia. Pihak pembangkang yang ketandusan idea berjuang dan kehilangan arah tuju terpaksa pula bekerjasama dengan golongan oportunis seperti Mahathir, dengan harapan akan adanya jalan pintas untuk perubahan politik. Akan tetapi, sesuatu jalan pintas tidak semestinya akan membawa kita sampai ke destinasi yang diinginkan.

Rakyat marhaen akan terus berdepan dengan tekanan hidup yang semakin membebankan. Kenaikan harga barang, kekurangan gaji, malah ketiadaan jaminan kerja akibat daripada keadaan ekonomi yang tidak menentu, menyebabkan rakyat biasa semakin hari semakin tertekan. Ada orang mungkin akan mengambil jalan yang ekstrim, seperti terlibat dalam kegiatan maksiat ataupun keganasan, untuk meluahkan ketidakpuashatian sehingga menimbulkan huru-hara dalam masyarakat, jika tiadanya alternatif politik yang mampu menyatukan rakyat marhaen untuk memperjuangkan perubahan yang sebenar. Masyarakat Malaysia memang perlukan satu alternatif politik kiri yang mengutamakan kesejahteraan rakyat marhaen dan memperjuangkan sebuah masyarakat yang benar-benar membebaskan rakyat daripada rantai pemerasan dan penindasan.

Memang tiada jalan pintas untuk kita wujudkan alternatif yang berpihak pada rakyat. Kita hanya boleh mewujudkan perubahan yang bermakna untuk rakyat marhaen melalui penglibatan yang berterusan dalam perjuangan rakyat. ##

Langganlah Akhbar Sosialis Sekarang!

Jika anda mahu **AKHBAR SOSIALIS** dipos terus kepada anda, maka anda boleh berlanggan terus dengan kami.

Harga solidariti (termasuk harga setem) RM25 setahun (12 keluaran akhbar **SOSIALIS** Bahasa Melayu)

Nama: _____

Alamat: _____

Telefon: _____

Faks: _____

Cek / Wang Pos / Draf Bank atas nama **PARTI SOSIALIS MALAYSIA**

Hantar kepada **Parti Sosialis Malaysia**
140A, Jalan Sultan Abdul Samad, Brickfields
50470 Kuala Lumpur

Tel/Faks: 03-22762247
Laman web: <http://partisosialis.org/>

Piala P. Veerasenan

Pertandingan Bola Sepak Piala Pejuang P. Veerasenan telah diadakan dengan berjaya di Padang Gelang Patah, Johor, pada 26 Disember yang lalu. Pertandingan kali ini dianjurkan oleh PSM Cawangan Nusajaya.

Piala P.Veerasenan mengingatkan kita kembali tentang seorang pejuang muda, P. Veerasenan, yang berjuang untuk hak dan kebajikan pekerja tanpa batasan kaum dan agama pada zaman pemerintahan British. Pada usia muda 22 tahun sahaja, beliau telah menjadi Setiausaha Kesatuan Pekerja-pekerja Pengkalan Singapura. Keberanian dan ketegasan beliau dalam memperjuangkan hak pekerja telah membawanya ke arena kesatuan sekerja peringkat nasional, iaitu *Pan-Malayan Federation of Trade Unions* (PMFTU).

Sumbangan dan pengorbanan beliau terlalu besar kepada perjuangan pekerja. Antara kejayaan P. Veerasenan dan rakan-rakan seperjuangannya adalah:

- 1. Memperjuangkan peningkatan

- upah harian dari 55 sen kepada 95 sen sehari.
- 2. Mengurangkan hari bekerja dari 7 hari kepada 6 hari.
- 3. Hanya 8 jam kerja setiap hari.
- 4. Pihak majikan harus menyediakan air minuman bersih dan bebas daripada kuman, kemudahan perumahan dan bilik air.

Namun, pihak majikan dan penjajah terasa tergugat dengan kehadiran P. Veerasenan.

Beliau merupakan salah seorang pemimpin kesatuan PMFTU yang progresif dan digeruni oleh pihak British. Beliau telah ditembak mati oleh pihak British pada 3 Mei 1949 ketika beliau berusia hanya 22 tahun. Pada masa itu, ramai pejuang kaum pekerja telah dibunuh, digantung dan dibuang negeri. Sumbangan beliau kepada kaum pekerja Malaya pada masa itu amat besar. Demi memperingati semangat perjuangan beliau dalam pertandingan bolasepak P.Veerasenan diadakan. Adalah diharapkan semangat perjuangan beliau akan diteruskan oleh setiap generasi muda selagi wujudnya penindasan ke atas golongan pekerja.



Pengedaran risalah di hospital kerajaan Bantah Skim Pesakit Bayar Penuh

PSM telah mengadakan aksi pengedaran risalah di seluruh negara pada 20 Disember lalu, untuk menyatakan bantahan terhadap skim Perkhidmatan Pesakit Bayar Penuh (PPBP) yang akan menjejaskan kebajikan rakyat.

Risalah telah diedarkan di hospital kerajaan di Kuala Lumpur, Ipoh, Pulau Pinang, Johor Bahru, Seremban, Klang dan sebagainya.



Kuala Lumpur



Klang



Ipoh

Selepas perjuangan 14 tahun Penduduk Ladang Subang dapat rumah ganti



Selepas 14 tahun berjuang, bekas pekerja Ladang Subang akhirnya berjaya mendapat rumah ganti.

Pada 18 Disember lalu, 40 orang bekas pekerja Ladang Subang telah menyambut kemenangan perjuangan untuk rumah percuma ini dalam satu majlis menandatangani perjanjian penyelesaian bersama pihak pemaju.

Bekas pekerja yang tinggal di Ladang Subang telah meghadapai ancaman pengusiran apabila syarikat Sime Darby telah menjual tanah ladang tersebut kepada pemaju. PSM telah

membantu pekerja Ladang Subang dalam perjuangan mereka untuk mendapatkan rumah ganti. Setelah rundingan antara para bekas pekerja Ladang Subang bersama PSM dengan pihak pemaju untuk sekian lama, akhirnya telah membuahkan hasil.

Menurut Dr. Nasir Hashim, Pengerusi PSM yang telah lama bersama dengan para bekas pekerja Ladang Subang dalam perjuangan ini, "ketabahan pekerja dalam perjuangan inilah yang membawa kepada kejayaan mereka."

Ladang Semenyih diancam pengusiran

Penduduk Ladang Semenyih di Selangor, yang merupakan bekas pekerja di situ, telah membuat aduan polis di Ibupejabat Polis Daerah Kajang pada 16 Disember lalu, berkenaan dengan ugutan daripada Sime Darby yang hendak memotong bekalan air dan elektrik di ladang tersebut.



Turut bersama dengan penduduk Ladang Semenyih ialah S. Arutchelvan, AJK Pusat PSM.

Sebanyak 17 buah keluarga bekas pekerja Ladang Semenyih mendapat surat daripada pihak Syarikat Sime Darby pada 30 November lalu, yang mengarahkan bekas pekerja ladang berpindah keluar sebelum Januari 2017 kerana kawasan tempat tinggal mereka akan dibangunkan. Surat tersebut juga mengugut bahawa bekalan air dan elektrik akan diganggu atau dipotong, serta jalan akses ke ladang tersebut juga akan ditutup.

Walaupun bekas pekerja Ladang Semenyih yang berkenaan sedang mengadakan proses rundingan dengan pihak Sime Darby untuk perumahan alternatif, namun tindakan Sime Darby terbaru ini menimbulkan kegusaran di kalangan bekas pekerja ini.

Penduduk Ladang Semenyih sudah 4 generasi tinggal di situ dan mereka pernah menjadi pekerja ladang yang menyumbang kepada keuntungan syarikat perladangan. Mereka hanya akan keluar dari rumah di Ladang Semenyih setelah semua tuntutan untuk perumahan alternatif dilaksanakan.

Tindakan daripada pihak Sime Darby ini merupakan ancaman dengan niat mengusir secara haram penduduk di situ tanpa perintah mahkamah.

Penduduk Ladang Semenyih membantah ancaman pengusiran ini.



Malam Solidariti Pekerja ke-10

Gabungan Pekerja Kilang dan Kesatuan (GPKK) Perak dan PSM Perak telah menganjurkan Malam Solidariti Pekerja yang ke-10, pada 18 Disember lalu di Ipoh, Perak.

Terus menjunam

Hak Asasi Manusia di Malaysia

Secara umumnya, situasi Hak Asasi Manusia semakin merosot di Malaysia. Penahanan tanpa bicara, terutamanya penahanan di bawah SOSMA (Akta Kesalahan Keselamatan Langkah-langkah Khas) dan POCA (Akta Pencegahan Jenayah), terus menjadi agenda utama dalam senarai pencabulan hak asasi manusia di Malaysia, di samping kes-kes tembakan oleh polis semasa operasi penangkapan yang semakin meningkat ke tahap yang mencemaskan. Hak untuk bersuara terus ditekan manakala hak untuk berhimpun dicemari dengan pelbagai insiden keganasan akibat provokasi dan tindakan kumpulan baju merah. Terdapat juga beberapa pencabulan hak untuk kebebasan bergerak yang turut dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri terutamanya kerajaan negeri Sarawak. Hak untuk kebebasan beragama turut dicabar dengan cadangan undang-undang Hudud di parlimen manakala persempadanan semula kawasan pilihanraya turut mencatatkan pencabulan ke atas pilihanraya yang bebas dan adil. Hak kumpulan dan komuniti minoriti seperti LGBTIQ dan Orang Asli atau Orang Asal yang turut dicabuli oleh kerajaan negeri dan juga syarikat-syarikat pembalakan. Pelarian dan juga pencari suaka masih dalam keadaan yang tergugat akibat intimidasi dan pencabulan hak oleh agensi-agensi penguatkuasa di Malaysia.

Kes-kes yang didaftarkan sebagai Penahanan Tanpa Bicara di bawah SOSMA dan POCA semakin meningkat. SUARAM telah merekodkan sebanyak 189 kes di bawah SOSMA pada tahun 2016 berbanding dengan hanya 50 kes pada tahun 2015. Manakala penahanan di bawah POCA turut meningkat sementara cara layanan semasa dalam tahanan turut membongkarkan pelbagai penyiksaan yang keterlaluan.

Mengikut statistik kematian dalam tahanan setakat 31 Oktober bagi tahun 2016, kes-kes yang dilaporkan adalah 2 berbanding 10 dalam 10 bulan pertama 2015. Walaupun ini satu keadaan lebih baik berbanding tahun lalu, namun jumlah insiden tembak mati oleh polis semasa penangkapan atau operasi telah meningkat secara mendadak mencapai jumlah kes 33 di mana 31 kematian di laporkan akibat penembakan polis.

Statistik Penahanan Tanpa Bicara, setakat 31 Oktober 2016				
Sebab penahanan/ Akta	Terrorisme atau keganasan	penyeludupan atau imigresen	Lain-lain	Jumlah
SOSMA	102	39	45	189
POCA	1	28	249	278
POTA	11	-	-	11
Jumlah	114	67	294	475

Hak Bersuara

Kebebasan Bersuara terus dikekang oleh Kerajaan Malaysia. Walaupun pada tahun 2016 jumlah kes baru di bawah Akta Hasutan berkurangan berbanding dengan tahun 2015. Namun, tahun 2016 mencatatkan rekod baru penggunaan Akta Mutimedia dan Komunikasi untuk mengekang hak bersuara dan hak berpendapat di mana sebanyak 60 siasatan terhadap individu-individu telah dibuka pada enam bulan pertama tahun 2016. Tahun ini juga turut mencatatkan kegagalan di mahkamah dalam usaha mencabar kesahihan penggunaan Akta Hasutan berasaskan Perlembagaan Negara. Ini adalah satu tamparan kepada kebebasan sistem kehakiman negara.

Hak Berhimpun

Hak Berhimpun semakin bertambah baik di Malaysia pada 2016, di mana penangkapan semasa perhimpunan telah berkurangan. Namun, Perhimpunan BERSIH 5 dan Konvoi Bersih sebelum perhimpunan telah mencatatkan kes-kes siasatan yang tinggi. Ramai penganjur Bersih tempatan dipanggil untuk soal siasat berkenaan dengan penganjuran konvoi Bersih.

Tamparan paling besar adalah penangkapan Maria Chin Abdullah, di bawah SOSMA pada 18 November, sehari sebelum Perhimpunan BERSIH 5. Beberapa pemimpin yang lain turut ditahan sebelum hari perhimpunan BERSIH 5 tetapi mereka disiasat di bawah Kanun Keseksaan, manakala Maria di bawah Penahanan Tanpa Bicara. Ini telah menjadi satu contoh Penahan Tanpa Bicara terhadap Pejuang Hak Asasi yang pertama di bawah SOSMA. Walaupun sebelum ini Khairuddin dan Mathias Chang turut ditahan di bawah SOSMA, namun penahanan Maria di bawah SOSMA mencatatkan satu tahap yang paling rendah kepada situasi Hak Asasi Manusia di Malaysia, walaupun Maria dibebaskan selepas ditahan selama 10 hari.

Sebelum ini, pada pertengahan tahun 2016, Maria turut dihalang ke luar negara untuk menerima Anugerah Hak Asasi Gwangju di Korea Selatan dengan alasan memperlekehkan Kerajaan Malaysia. Walaupun tuduhan ini tidak berasas, namun kerajaan berpendapat bahawa

kebebasan bergerak adalah satu keistimewaan bukan hak, di mana pandangan ini sangat bercanggah dengan Deklarasi Hak Asasi Sejagat.

Hak kebebasan beragama

Penukaran agama oleh salah seorang pasangan, atau berasaskan keputusan seorangan menjadi isu yang semakin serius di Malaysia. Walaupun kerajaan Malaysia berjanji akan adakan perubahan dalam undang-undang di mana ia mampu menyelesaikan masalah penukaran agama tanpa persetujuan salah satu pihak melalui peruntukan undang-undang berkenaan, namun perubahan undang-undang berkenaan masih belum lagi dilaksanakan.

Satu lagi perkara penting bagi tahun 2016 adalah usaha Pemimpin PAS yang mahu parlimen luluskan rang undang-undang berkenaan dengan bidang kuasa jenayah untuk mahkamah syariah. Walaupun parti-parti komponen dalam Barisan Nasional telah menyatakan

ketidakpuasan mereka, namun tiada tindakan yang pro-aktif daripada mereka.

Dana Asing

Baru-baru ini beberapa pemimpin NGO turut dipanggil untuk siasatan, termasuk Fadiah dan Farhana daripada Gabungan BERSIH 2.0, Ambiga daripada HAKAM, Sevan Doraisamy daripada SUARAM, Eric Paulsen daripada Lawyers For Liberty dan beberapa orang yang lain dengan alasan membantu penyiasatan atas tuduhan menerima dana asing. Ini adalah satu lagi intimidasi selain insiden di mana beberapa NGO telah dikunjungi pihak polis termasuk BERSIH dan Empower.

Jadi, secara umumnya keadaan Hak Asasi Manusia di Malaysia semakin tercabar. Pejuang-pejuang hak asasi sering diintimidasi dan disiasat. Malaysia masih belum lagi bersetuju dengan pelbagai konvensyen antarabangsa termasuk Konvensyen Pelarian, Konvensyen terhadap Penyeksaan dan juga Konsyen tentang Hak Sivil dan Politik. ##

Adakah pimpinan baru MTUC bawa harapan baru bagi pekerja?

Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) yang hanya mewakili hampir 7% kaum pekerja di Malaysia masih membawa satu harapan setiap dua tahun sekali dalam pemilihan pimpinan baru. Kali ini untuk sesi 2017-2019, barisan yang diketuai oleh Sdr Abdul Halim bin Mansor telah mengambilalih sebagai kepimpinan baru setelah menghadapi pertandingan sengit daripada pasukan yang diketuai Sdr. Abdullah Sani. Ada juga yang menggelarkan pertandingan ini adalah antara parti pembangkang dan penyokong kerajaan.

Pimpinan baru ini boleh dikatakan sapu bersih pimpinan lama. Sdr. Abdul Halim bin Mansor (Kesatuan NUPCIW) telah menyandang jawatan Presiden, Sdr. J. Solomon

(Kesatuan NUBE) sebagai Setiausaha Agung, sementara Bendahari Kehormat dimenangi oleh Sdr. Ng Peng Ho (CIMB EKS), dan hampir semua jawatan digantikan oleh pimpinan baru. Pekerja berkesatuan memberi satu mesej jelas bahawa mereka mahukan perubahan.

Tahniah kepada pimpinan baru dan harap perubahan bukan sahaja dari segi permukaan atau nama sahaja. Sebagai kesatuan sekerja, ia harus memperjuangkan hak pekerja secara berani, bekerjasama dengan semua kumpulan yang mempunyai matlamat yang sama, dan harus meningkatkan kekuatan kesatuan dari segi bilangan.

Hidup Perjuangan Pekerja!!!



Skim Pesakit Bayar Penuh

Rakyat tanggung sengsara

Gabungan Membantah Penswastaan Perkhidmatan Kesihatan (GMPPK) telah mengunjungi Kementerian Kesihatan di Putrajaya pada 27 Disember lalu, untuk menyuarakan bantahan terhadap Skim Perkhidmatan Pesakit Bayar Penuh (PPBP).

PSM bersama dengan organisasi masyarakat sivil dan parti politik yang prihatin pada kesihatan rakyat, telah menyuarakan kebimbangan tentang keputusan Kementerian Kesihatan untuk memperluaskan skim PPBP ini ke 8 buah lagi hospital kerajaan di seluruh negara mulai tahun 2017.

Pada 20 Disember lalu, PSM juga mengedarkan risalah membantah

Skim PPBP di hospital kerajaan di beberapa tempat.

Sistem kesihatan awam di negara kita telah memainkan peranan penting dalam memupuk semangat solidariti di kalangan rakyat kita dan merupakan suatu perkhidmatan yang benar-benar mesra rakyat. Namun, sistem ini sedang dihakis dengan dasar-dasar yang tidak bertanggungjawab seperti skim PPBP yang bukan sahaja tidak akan dapat menyelesaikan masalah penghijrahan doktor pakar kerajaan ke sektor swasta, malah

akan menjejaskan lagi kualiti perkhidmatan kesihatan awam sekarang ini yang sudahpun sedang dihakis oleh sebab kewujudan hospital swasta yang bermotifkan keuntungan.

Pada 5 November yang lalu, Hilmi

Yahaya, Timbalan Menteri Kesihatan, telah mengumumkan bahawa Skim Perkhidmatan Pesakit Bayaran Penuh (PPBP) akan dilanjutkan ke 8 buah hospital kerajaan lagi mulai bulan Januari 2017.

Pada takat ini, Skim PPBP hanya diamalkan di Hospital Selayang dan Hospital Putrajaya. Mulai tahun 2017, skim ini akan diperluaskan ke Hospital Besar Kota Bharu, Kuala Terengganu, Kuantan, Temerloh, Ipoh, Kuala Lumpur, Klang dan Seremban.



PSM bersama GMPPK telah menerima banyak aduan daripada pesakit dan juga kakitangan Hospital Selayang dan Pusat Perubatan Universiti Malaya, berkaitan pelaksanaan klinik dan sayap swasta di Hospital Awam. Antaranya:

1. Skim PPBP berpotensi tinggi untuk menarik perhatian doktor pakar kerajaan sehingga menjejaskan kualiti rawatan yang diterima oleh pesakit awam biasa yang tidak sanggup membayar. Skim PPBP yang telah dilaksanakan di Hospital Selayang, membenarkan pakar kerajaan mengutip dua kali ganda gaji bulanan mereka apabila mereka merawat pesakit yang sanggup buat bayaran penuh melalui skim ini. Maka, jika gaji seorang pakar ialah RM 15,000 sebulan sebelum pelaksanaan skim PPBP, dia boleh merawat pesakit di klinik PPBP ini untuk memperoleh pendapatan mencecah RM 30,000 sebulan.

Di bawah skim ini, doktor pakar hospital kerajaan yang menyertai skim ini dibenarkan untuk merawat pesakit PPBP selepas selesai merawat pesakit awam. Ini membawa kepada situasi di mana pakar itu mungkin bekerja sehingga pukul 10 malam selepas waktu pejabat amnya untuk 4 atau 5 hari seminggu. Akibatnya adalah:

- Doktor pakar akan keletihan dan akan cuba berehat pada masa

tugas paginya, di mana dia sepatutnya merawat pesakit awam. Pakar tersebut mungkin akan mengarahkan doktor pakar pelatih untuk mengendalikan kes-kes pesakit awam.

- Ini wujudkan situasi di mana para pesakit awam biasa yang rumit kesnya tidak akan mendapat perhatian doktor pakar yang berpengalaman. Maka pesakit awam yang tidak membayar mendapat rawatan doktor pakar “muda” yang kurang pengalaman dan pesakit skim PPBP yang membayar dapat khidmat doktor pakar “kanan” yang berpengalaman.
- Doktor pakar “kanan” yang berpengalaman lama tidak mungkin meluangkan masa untuk buat pusingan lawatan ke wad memeriksa pesakit awam dan membincang pelan rawatan dengan doktor lain. Justeru, tugas ini mungkin diturunkan kepada kepada doktor pakar pelatih atau doktor biasa yang masih sedang belajar menjadi pakar.
- Doktor pakar “kanan” yang menyertai skim PPBP ini juga akan mengalami kesukaran meluangkan masa untuk melatih para doktor pelatih yang lain di bawah jaganya. Pakar yang berpengalaman tidak ada masa dan tenaga untuk mendidik doktor-doktor yang sedang berlatih dalam unitnya.

Pada takat ini, lebih daripada 80% doktor pakar di Malaysia dengan pengalaman melebihi 10 tahun

sebagai pakar sudahpun berhijrah ke Hospital Swasta. Pesakit yang berkemampuan boleh mendapatkan rawatan doktor pakar di mana-mana hospital dan klinik swasta di seluruh negara.

Hanya 20% daripada pakar berpengalaman 10 tahun ke atas masih sedang berkhidmat di Hospital Kerajaan dan mereka pula bertanggungjawab menjaga 70% daripada pesakit dalam (*inpatient*) di negara kita. Sekarang pun sektor hospital kerajaan sudah kekurangan doktor pakar yang berpengalaman. Mengapakah pula kita mahu mengalihkan fokus perkhidmatan mereka melalui skim PPBP ini?

2. Skim PPBP ini sedang mencetuskan perasaan tidak puas hati di kalangan pakar-pakar kerajaan. Umpamanya, dalam satu unit di mana ada 3 orang pakar - A, B dan C, yang layak mengambil bahagian dalam skim PPBP, mungkin ada perbezaan komitmen atau kebertanggungjawaban antara mereka.

Katakan Pakar A buka klinik swastanya setiap malam manakala pakar B dan C yang ingin memberikan keutamaan menjaga pesakit awam Hospital Kerajaan dan hanya kerja di klinik swasta skim PPBP seminggu sekali. Sememangnya pakar A akan menggandakan pendapatannya dan dapat menikmati kehidupan yang

mewah berbanding dengan pakar B dan C. Apabila Pakar A membeli kereta mewah seperti Mercedes selepas setahun, pakar B dan C mungkin akan menyesal kerana walaupun mereka kerja kuat memberikan komitmen untuk menjaga pesakit awam di wad-wad Hospital Kerajaan, tetapi pakar A yang selalu ponteng dari tugasnya kerana selalu merawat pesakit PPBP akhirnya mendapat pulangan lumayan dan hidup mewah.

Ini akan menghakiskan semangat B dan C untuk berkhidmat dengan sepenuh hati kepada pesakit biasa. Mereka akan berasa tidak bererti lagi mengorbankan masa dan tenaga untuk pesakit awam apabila rakan sejawat mereka yang mengabaikan pesakit awam memperoleh ganjaran yang lumayan! Maka semangat kerja doktor pakar kerajaan akan dihakis dengan pelaksanaan skim ini.

3. Sekarang pun, Kementerian Kesihatan menghadapi masalah apabila doktor pakar kerajaan enggan berkhidmat di hospital-hospital di kawasan luar bandar seperti Banting, Teluk Intan, Tawau, Sibu dan sebagainya. Kewujudan skim PPBP ini di hospital-hospital di bandar-bandar besar akan menjadikan doktor pakar lebih enggan berkhidmat di bandar-bandar kecil yang tidak mempunyai skim PPBP ini.

PSM dan GMPPK menyeru pada kerajaan supaya:

1. Menangguhkan pelaksanaan Skim PPBP.
2. Kajian-kajian terhadap pelaksanaan skim ini di Hospital Selayang dan Putrajaya serta kebaikan dan kelemahannya diumumkan supaya orang awam dan masyarakat madani dapat menilai skim ini.
3. Mengadakan dialog dengan masyarakat madani terhadap idea-idea baru yang lain untuk mengurangkan penghijrahan doktor

pakar dari kerajaan ke sektor swasta.

Untuk menangani masalah isu penghijrahan doktor pakar kerajaan, PSM mencadangkan seperti berikut:

- **Mewujudkan Suruhanjaya Perkhidmatan Khas** untuk kakitangan kesihatan kerajaan, dengan skim gaji dan ganjaran yang mirip kepada Institut Jantung Negara.
- Memperkenalkan sistem “sabatikal” di mana setiap pakar diberi cuti belajar bergaji penuh selama 3 bulan setiap 4 tahun untuk keluar negara dan mempelajari teknik

pembedahan atau skop baru.

- Memperkukuhkan skim pencen untuk doktor pakar kerajaan dan menurunkan tempoh kelayakan skim pencen ke 20 tahun khidmat selepas mendapat kepakaran.
- Membekukan kebenaran membina hospital swasta baru, demi mengurangkan penghijrahan doktor pakar dari kerajaan. Hospital swasta yang sedia ada dikenakan syarat supaya mereka tidak diberi izin membina wad baru!

PSM dan GMPPK berpendirian

bahawa Sistem Kesihatan Awam yang kita ada di Malaysia adalah satu antara ciri-ciri Malaysia yang mesra rakyat dan harus dipelihara.

Keputusan kerajaan melaksanakan skim PPBP ini tanpa menjalankan proses kajian mendalam dan diskusi supaya mengelakan implikasi negatif, adalah sesuatu yang tidak bertanggungjawab. Skim PPBP akan membawa ke situasi di mana pesakit yang tidak mampu bayar akan diabaikan. Hak untuk memperoleh khidmat kesihatan masyarakat B40 kita akan terjejas jika skim PPBP diperluaskan. ##

Imbas kembali tahun 2016

Tahun 2016 telah menyaksikan pergolakan politik negara kita yang semakin tidak menentu, dengan pembongkaran skandal demi skandal politik yang berkait dengan penguasa di negara kita, rejim yang semakin tergugat cuba mematahkan segala kritikan dengan cara yang keras, kelemahan pada pihak pembangkang untuk menonjolkan diri sebagai alternatif yang mantap dan juga gerakan rakyat sedang berada dalam keadaan yang amat lembab.

Di sini marilah kita imbas kembali peristiwa politik yang penting dalam negara kita untuk tahun 2016 yang lepas.

BERSIH 5



Walaupun menghadapi ancaman kekerasan daripada kumpulan Baju Merah yang menyokong rejim Najib, tambahan pula dengan penangkapan polis secara besar-besaran sebelum berlangsungnya perhimpunan BERSIH 5, masih adanya 50 ribu orang turun ke jalanan di Kuala Lumpur untuk menyuarakan tuntutan rakyat.

Gabungan BERSIH 2.0 telah melancarkan konvoi Obor BERSIH mulai 1 Oktober dan berlarutan untuk 7 minggu sebelum mencapai kemuncaknya pada 19 November, iaitu Himpunan BERSIH 5. Himpunan BERSIH 5 telah mengemukakan 5 tuntutan, iaitu: 1. Pilihan Raya Bersih; 2. Kerajaan Bersih; 3. Kukuhkan Demokrasi Berparlimen; 4. Hak Membantah; 5. Memperkasa Sabah dan Sarawak.

Jumlah peserta aksi BERSIH 5 adalah kurang berbanding dengan aksi BERSIH 4 pada tahun 2015, memberi petunjuk bahawa momentum gerakan rakyat di negara kita ini memang merosot untuk setahun yang lepas, berikutan daripada kekecewaan ramai terhadap keadaan politik yang murung.

Penahanan Maria Chin

Maria Chin Abdullah, Pengerusi Gabungan BERSIH 2.0, telah ditangkap polis bersama dengan beberapa orang aktivis yang lain pada 18 November, sehari sebelum berlangsungnya perhimpunan BERSIH 5. Setelah ditahan semalaman, pada 19 November, Maria Chin telah ditahan di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (atau dikenali sebagai SOSMA), satu akta zalim yang membenarkan penahanan tanpa bicara. Berikutan penahanan Maria, aktivis-aktivis dan orang ramai daripada pelbagai latar belakang telah menganjurkan aksi solidariti setiap hari di Kuala Lumpur dan juga seluruh negara. Selepas

ditahan selama 10 hari, Maria Chin akhirnya dibebaskan pada 28 November.

Kerajaan UMNO-BN pimpinan Najib telah mengeluarkan dakwaan bahawa Gabungan BERSIH 2.0 menerima dana luar negara untuk menggulingkan kerajaan, dan meneruskan siasatan serta gangguan terhadap Gabungan BERSIH 2.0.



Malaysia tandatangani TPPA



Walaupun berdepan dengan gelombang bantahan yang hebat, kerajaan Malaysia tetap berkeras kepala untuk menandatangani Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) bersama dengan 11 buah negara yang lain di Auckland, New Zealand, pada 4 Februari. Pada 23 Januari, ribuan rakyat turun ke jalanan di Kuala Lumpur untuk berprotes membantah TPPA.

Orang Asli Kelantan lawan pembalakan

Orang Asli kaum Temiar di Gua Musang, Kelantan, telah mengadakan aksi sekatan jalan (*blockade*) di kawasan mereka sejak bulan September yang lalu, demi mempertahankan tanah adat Orang Asli dan hutan daripada kemusnahan akibat pembalakan yang berleluasa. Pihak syarikat pembalakan telah bertindak keras merobohkan *blockade*, tetapi Orang Asli telah membina semula *blockade* dalam masa yang singkat, malah mendirikan sebanyak 3 *blockade* di tempat berlainan. Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan (JPNK) yang jelas berpihak kepada syarikat pembalakan telah menyekat akses ke tapak *blockade* Orang Asli, kemudiannya melakukan operasi merobohkan *blockade* pada 29 November dan 1 Disember. Seramai 54 Orang Asli ditahan kerana cuba menghalang perobohan *blockade*. Walaupun *blockade* telah dihancurkan, masyarakat Orang Asli mendirikan semula *blockade* untuk menghalang lori balak dan meneruskan perjuangan mereka.



Dari Deklarasi Rakyat ke Harapan-BERSATU, Mahathir jadi jaguh menjatuhkan Najib?

Mukhriz Mahathir telah meletak jawatannya sebagai Menteri Besar Kedah pada awal tahun 2016, berikutan desakan daripada puak penyokong Najib dalam UMNO. Dengan itu, puak Mahathir telah disingkirkan secara penuhnya daripada UMNO. Oleh sebab kehilangan kuasa dan pengaruh dalam UMNO, puak Mahathir terpaksa berdamai dan bekerjasama dengan pihak pembangkang yang pernah menjadi musuh ketatnya. Pada bulan Mac, Mahathir telah bersama dengan sekumpulan individu yang terdiri daripada pemimpin masyarakat sivil dan parti pembangkang untuk melancarkan "Deklarasi Rakyat", sebagai usaha mendesak Najib supaya meletak jawatannya sebagai Perdana Menteri.

membentuk satu pakatan pilihanraya dengan Pakatan Harapan pada bulan Disember.

Oleh sebab gabungan parti pembangkang, iaitu Pakatan Harapan yang dibentuk selepas perpecahan Pakatan Rakyat, gagal menawarkan satu halatuju perubahan politik yang konkrit dan mantap akibat daripada masalah dalamannya yang berlarutan, maka kerjasama dengan puak Mahathir telah dianggap sebagai satu-satu caranya pada masa kini untuk menjatuhkan pentadbiran Najib. Kerjasama dengan puak Mahathir bagaikan satu perjudian politik yang bukan sahaja tidak dapat menjamin keberkesannya dalam mengalahkan UMNO-BN pimpinan Najib sekarang, malah tiada juga satu gambaran yang jelas tentang perubahan pada sistem politik yang sedia ada sekiranya terjadinya peralihan kuasa.

Memang masih menjadi tanda soal yang besar tentang keberkesanan kerjasama pembangkang dengan puak Mahathir dalam membawa perubahan yang menjamin demokrasi, keadilan sosial dan kesejahteraan rakyat.

(sambung di m/s 7)

Pada bulan Jun semasa dua pilihanraya kecil di Sungai Besar dan Kuala Kangsar, Mahathir telah berkempen untuk calon AMANAH, namun gagal membantu dalam memperoleh lebih undi dan memenangkan calon pembangkang. Pada bulan September, puak Mahathir telah menubuhkan secara rasminya Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) dengan bekas Timbalan Presiden UMNO Muhyiddin Yassin sebagai Presiden parti baru tersebut. BERSATU kemudiannya

Bersambung dari m/s 6

Hadi Awang, Presiden PAS, telah membentangkan usul untuk rang undang-undang persendirian supaya meminda Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (atau Akta 355) untuk meningkatkan hukuman yang berkaitan dengan bidang kuasa jenayah di bawah Mahkamah Syariah. Tindakan untuk membentangkan RUU 355 ini telah mengundang pelbagai kontroversi.

Setiap kali kelas pemerintah di negara kita menghadapi krisis yang mendalam, isu perkauman dan agama akan muncul, untuk mengalihkan perhatian rakyat daripada isu pokok tentang permasalahan utama di negara kita, dan juga memecahbelahkan rakyat masyarakat majmuk supaya melemahkan penentangan rakyat terhadap rejim pemerintah yang semakin

RUU355

pincang. Isu RUU 355 telah menjadi satu alat untuk mencapai tujuan rejim pemerintah dalam memperkukuhkan kuasanya dengan mewujudkan perpecahan dan perbalahan antara rakyat berbilang agama.



2017: Tahun Pilihanraya?

Adanya orang berpendapat bahawa kemungkinan besar Pilihanraya Umum ke-14 (PRU-14) akan diadakan awal dan berlangsung pada tahun 2017. Pandangan sebegini wujud kerana memang sekarang ini adalah waktu yang paling baik untuk Najib dan UMNO-BN menang besar jika pilihanraya umum diadakan.

Walaupun dihantui dengan skandal demi skandal, Najib Razak nampaknya masih kukuh kedudukannya sebagai Perdana Menteri, kerana pihak pembangkang gagal mencabar kekuasaan UMNO-BN dengan alternatif politik yang lebih jelas dan mantap selepas PRU-13 yang berlangsung pada tahun 2013.

Menjelang Mei 2017 akan datang ini, genapnya 4 tahun selepas PRU-13. Memang PRU boleh dipanggil bila-bila masa jikalau Parlimen dibubarkan. Namun, apa yang amat pelik di negara kita yang kononnya mengamalkan sistem demokrasi berpalimen ini, tiada seorang pun yang akan tahu tentang tarikh pilihanraya umum kecuali seorang sahaja, iaitu Perdana Menteri itu sendiri. Ini telah mewujudkan satu situasi di mana parti pemerintah, ataupun lebih khususnya pemimpin politik yang menyandang jawatan Perdana Menteri itu, memiliki kelebihan dalam membuat pencatutan untuk pilihanraya kerana sejak awal lagi, dia mempunyai kuasa mutlak untuk menentukan tarikh bilanya pilihanraya akan diadakan.

Daripada pengalaman sebelum ini, parti pemerintahan UMNO-BN atau Perdana Menteri seorang diri akan memilih masa yang paling sesuai untuk membubarkan Parlimen bagi memberi laluan kepada pilihanraya umum. Najib sedang membuat pengiraan untuk masa yang sesuai itu. Pada PRU-13, Najib telah membubarkan Parlimen pada masa yang amat hampir dengan tamatnya tempoh Parlimen ke-12. Keputusan PRU-13 menyaksikan UMNO-BN berjaya mengekalkan kedudukannya dengan jumlah kerusi Parlimen yang berkurangan, tetapi masih berjaya menguasai majoriti kerusi dalam parlimen, walaupun jumlah undi popularnya kurang daripada jumlah undi popular untuk Pakatan Rakyat yang menjadi pembangkang.

Najib perlukan satu kemenangan besar, kemenangan dengan kerusi

yang lebih banyak berbanding PRU-13 dalam PRU yang akan datang ini, supaya dia dapat memperkukuhkan kedudukannya sebagai pemimpin parti pemerintah dan terus menyandang jawatan Perdana Menteri. Jika pencapaian UMNO-BN merosot lagi berbanding PRU-13, maka kedudukan Najib akan tergugat dan mungkin berlakunya desakan daripada puak-puak dalam UMNO yang sekarang ini nampaknya masih bersatu di bawah pimpinan Najib itu untuk pengunduran Najib sebagai Presiden UMNO dan Perdana Menteri. Oleh itu, demi memastikan kemenangan yang lebih besar, UMNO-BN di bawah pimpinan Najib akan menggunakan segala cara yang mungkin untuk memperbanyakkan kerusi yang akan dimenangi BN. Antaranya, persempadanan semula kawasan pilihanraya telah menjadi satu alat yang berkesan untuk menambahkan kerusi yang boleh dimenangi parti pemerintah dengan hanya menukar garis sempadan di atas peta kawasan pilihanraya. Proses ini telah dimulakan tahun 2016, tetapi sedang dicabar oleh pihak pembangkang dan masyarakat sivil. Najib berkemungkinan besar tidak akan memanggil pilihanraya selagi persempadanan semula kawasan pilihanraya belum selesai.

Satu lagi cara yang digunakan untuk mewujudkan keadaan yang berpihak kepada parti pemerintah adalah mengapi-apikan sentimen perkauman dan agama. Mobilisasi kumpulan baju merah untuk menyekat kemaraan gerakan BERSIH dengan menggunakan retorik politik perkauman, jelas menunjukkan bahawa puak UMNO tetap akan mempermainkan sentimen perkauman untuk memecah-belahkan rakyat dan mengalihkan fokus orang ramai kepada ketegangan hubungan antara kaum yang sengaja diwujudkan. Satu lagi taktik yang sedang dipermainkan oleh Najib dan UMNO-BN, adalah membenarkan pembentangan usul persendirian Hadi Awang untuk RUU 355. Isu RUU 355 dan isu yang berkaitan dengan agama seperti, isu Hukum Hudud, seringkali ditimbulkan dan diapi-apikan untuk mewujudkan keretakan dalam hubungan antara masyarakat Islam dan Bukan Islam. Taktik sebegini amat berkesan untuk membawa kelebihan kepada pihak parti pemerintah UMNO-BN semasa menghadapi musim pilihanraya.

Dari 1MDB ke MO1: Skandal Najib tidak habis-habisan

Pada bulan Julai, Jabatan Kehakiman (DOJ) Amerika Syarikat telah memfailkan saman sivil untuk merampas aset yang didakwanya dibeli menggunakan dana yang disalurkan daripada syarikat 1MDB. Menurut saman yang difailkan oleh DOJ tersebut, adalah didakwa bahawa sebanyak USD 731 juta disalurkan daripada 1MDB ke dalam akaun bank milik "Malaysian Official 1" (MO1) yang tidak dinamakan, tetapi menggambarkan individu itu sebagai "pegawai berpangkat tinggi dalam kerajaan Malaysia yang juga memegang jawatan yang berkuasa

dengan 1MDB".

Berikutan daripada pendedahan kes saman sivil di AS, skandal 1MDB yang melibatkan Perdana Menteri Najib Razak memuncak lagi. Pada 27 Ogos, satu aksi perhimpunan "Tangkap MO1" telah dianjurkan oleh organisasi pelajar dan anak muda. 4 orang pelajar Universiti Malaya yang terlibat dalam penganjuran aksi perhimpunan tersebut kemudiannya telah diambil tindakan disiplin oleh pihak Universiti.

Cabaran 2017

Dengan rejim Najib yang penuh dengan korupsi dan kepincangan masih berpegang kuat pada kuasa pemerintahan, dan juga kegagalan pihak pembangkang untuk memberi cabaran dengan alternatif yang mantap, tahun akan datang ini akan menjadi satu tahun yang mencabar untuk perjuangan rakyat Malaysia.

Kita tidak boleh mengharapkan percaturan golongan elit dan

perjudian politik dengan bekerjasama dengan puak oportunis dapat menyelamatkan negara kita daripada segala permasalahan yang semakin serius. Hanya kuasa rakyat boleh membawa perubahan yang bermakna. Cabaran kita adalah membina kuasa rakyat dari bawah, dengan mempertajamkan analisis dan memperkasakan organisasi gerakan rakyat. ##

Kelemahan dan perpecahan di kalangan parti pembangkang juga memberi kelebihan kepada parti pemerintah UMNO-BN. Selepas PRU-13, masalah dalaman parti-parti komponen Pakatan Rakyat semakin menonjol dan akhirnya membawa kepada perpecahan Pakatan Rakyat itu sendiri. Pakatan Harapan yang ditubuhkan selepas itu nampaknya tidak mampu memperbaiki masalah yang wujud dan tidak dapat mewujudkan alternatif yang lebih mantap. Lebih ironi lagi adalah, pemimpin-pemimpin pembangkang menjadi begitu ghairah untuk bekerjasama dengan puak Mahathir yang keluar dari UMNO, yang pada seketika dahulu merupakan musuh ketat mereka, malah juga punca kepada kepincangan sistem politik yang wujud di negara kita ini. Kerjasama antara Pakatan Harapan dengan Parti BERSATU yang ditubuhkan oleh puak Mahathir, hanya sekadar kerjasama secara bermusim berasaskan kepentingan sendiri. Hanya satu kepentingan bersama yang wujud antara Pakatan Harapan dengan BERSATU, iaitu menjatuhkan Najib, tetapi langsung tiadanya hala tuju yang jelas, malah calon Perdana Menteri yang bakal menggantikan Najib pun tiada.

Ramai orang semakin hari semakin bosan dengan perkembangan politik di tanahair kita hari ini. Namun, sikap pesimis dan sinis terhadap situasi politik yang mengecewakan tidak akan membawa kita ke mana-mana. Kita juga tidak boleh menaruh harapan kepada elit politik yang hanya memikirkan taktik dan strategi politik untuk mendapatkan kuasa bagi puaknya sendiri. Rakyat sendiri perlu



melawan untuk mempertahankan hak kita daripada terus dihakis oleh dasar-dasar kerajaan yang pro-kapitalis dan menjaga kroni-kroni sendiri. Hanya rakyat dapat menyelamatkan negara kita, bukannya mana-mana "pemimpin hebat".

Oleh itu, kembali kepada realitinya, janganlah kita terlalu menaruh harapan bahawa sesuatu yang ajaib akan terjadi dalam PRU yang akan datang. Keadaan objektif memang akan berubah mengikut peredaran masa, kadang-kadang boleh berubah secara mendadak seperti timbulnya krisis ekonomi yang teruk secara tiba-tiba, namun apa yang lebih penting lagi adalah sama ada kita mempunyai kekuatan rakyat yang cukup untuk menggerakkan gelombang perubahan itu. Kita tiada masa untuk merungut, kita tiada ruang untuk menjadi leka. Hanya dengan melibatkan diri dalam perjuangan dan mengorganisasi dari bawah, barulah kita dapat membawa perubahan yang bermakna untuk rakyat marhaen. ##

Pergolakan dunia 2016



Perancis Nuit Debout

Pada 31 Mac, rakyat Perancis turun ke jalanan di Paris, membantah rancangan kerajaan yang menghakis hak pekerja. Ribuan peserta aksi terus kekal menduduki Dataran Republik selepas demonstrasi jalanan dan mengadakan “perhimpunan rakyat”. Maka, tercetusnya gerakan “Nuit Debout” (bermaksud “bangkit sepanjang malam”). Gerakan Nuit Debout telah merebak di banyak tempat di seluruh Perancis dan menaburkan benih baru untuk perjuangan rakyat di Perancis.

UK Brexit dan Jeremy Corbyn

Pada 23 Jun, negara UK telah mengadakan satu referendum untuk menentukan sama ada UK akan kekal dalam Kesatuan Eropah (EU) atau tidak. Tanpa dijangka oleh media arus perdana, sebanyak 51.89% pengundi yang keluar mengundi telah memilih untuk UK keluar dari EU, atau dikenali sebagai Brexit. Berikutan daripada itu, David Cameron telah meletak jawatannya sebagai Perdana Menteri UK dan Pemimpin Parti Konservatif, untuk memberi laluan kepada puak dalam Parti Konservatif yang menyokong Brexit untuk mentadbir negara tersebut. Theresa May telah menggantikan tempat Cameron.

Dengan keputusan referendum Brexit yang mengejutkan itu, puak berhaluan kanan dalam Parti Buruh UK juga mengambil kesempatan tersebut untuk cuba menyingkir Jeremy Corbyn, Pemimpin Parti Buruh yang dipilih pada tahun 2015.

Puak berhaluan kanan dan golongan yang menyokong dasar neoliberal yang dibawa Blair (bekas Pemimpin Parti Buruh) telah menuduh bahawa Corbyn gagal memimpin Parti Buruh dan menyebabkan kekalahan undi kekal dalam referendum. Kebanyakan ahli parlimen Parti Buruh telah berpihak pada puak berhaluan kanan dan mengundi tidak percaya terhadap Corbyn. Ini telah mewujudkan pemilihan dalam Parti Buruh untuk Pemimpinnya dalam tempoh kurang daripada satu tahun.

Walaupun puak berhaluan kanan telah berusaha kuat untuk cuba menyingkirkan Corbyn, tetapi keputusan pemilihan Pemimpin Parti telah menggagalkan kudeta dalaman parti tersebut. Corbyn telah menang sekali lagi, dengan perolehan undi sebanyak 61.8%, lebih tinggi daripada undinya pada tahun 2015.

India Mogok umum tuntutan hak pekerja

Seramai 150 juta orang pekerja telah mengambil bahagian dalam mogok umum yang diadakan pada 2 September. Pekerja bermogok dengan tuntutan kenaikan gaji minimum, perlindungan kebajikan untuk pekerja sementara dan membantah penswastan syarikat milik negara. Pekerja-pekerja daripada sektor awam dan swasta, sama ada menganggotai kesatuan sekerja atau tidak, telah menyertai aksi mogok yang bersejarah ini. Mogok besar-besaran ini mencerminkan ketidakpuashatian golongan pekerja terhadap dasar pro-kapitalis yang diamalkan oleh kerajaan pimpinan Narendra Modi.



Korea Selatan Protes mingguan jatuhkan Presiden

Satu gelombang protes tercetus apabila terbongkarnya skandal salahguna kuasa yang berkait dengan Park Geun-hye, Presiden Korea Selatan. Perhimpunan lilin yang pertama diadakan pada 29 Oktober di Seoul, dan diikuti setiap minggu dengan aksi protes yang serupa dengan penyertaan yang semakin ramai sehingga mencecah jutaan orang demonstran. Selepas protes berbentuk perhimpunan lilin untuk 7 minggu berturut-turut, akhirnya Parlimen Korea Selatan telah meluluskan usul untuk memecat Park daripada jawatannya.



AS Sanders & Trump

Bernie Sanders, seorang ahli politik yang menggelar dirinya sebagai Sosialis Demokratik, telah mendapat perhatian ramai apabila beliau memberi cabaran yang hebat kepada Hillary Clinton dalam pemilihan awal untuk calon presiden Amerika Syarikat (AS) bagi Parti Demokratik. Sanders yang menekankan pada agenda politik mewujudkan keadilan sosial untuk AS, telah menang di 23 buah negeri semasa pemilihan awal, tetapi masih kalah kepada Hillary yang mendapat sokongan padu daripada golongan elit politik dan kapitalis besar.

Kemudiannya dalam persaingan untuk jawatan Presiden AS, Hillary

Clinton telah kalah walaupun mendapat undi popular yang lebih tinggi daripada lawannya. Donald Trump, seorang kapitalis besar yang mempermainkan sentimen perkauman dan kebencian terhadap warga imigran telah muncul sebagai pemenang dalam pertandingan untuk Presiden AS.



Poland Gelombang protes hentikan undang-undang anti-pengguguran

Kerajaan berhaluan kanan di Poland cuba memperkenalkan rang undang-undang yang mengharamkan semua jenis pengguguran, tetapi telah mengundang gelombang “Protes Hitam”. Ramai rakyat Poland telah membantah rancangan kerajaan yang cuba menyekat hak wanita tersebut. Pada 3 Oktober, ramai rakyat Poland telah turun ke jalanan di 90 buah bandar di seluruh negara tersebut. Kaum wanita mengadakan mogok untuk membantah undang-undang yang anti-pengguguran, termasuklah suri rumahtangga yang bermogok daripada membuat kerja rumah. Parti pemerintah yang berhaluan kanan, “Prawo i Sprawiedliwość” (PiS), telah mencatatkan peratusan sokongan yang paling rendah sejak ia membentuk kerajaan pada tahun 2015, akibat daripada gelombang protes baru-baru ini.



AS Perjuangan menentang paip minyak

Sejak bulan April 2016, masyarakat orang asal Sioux di Standing Rock, negeri Dakota Utara, telah mengadakan aksi membantah rancangan pembinaan paip saluran minyak bawah tanah yang melalui kawasan tersebut. Masyarakat Sioux telah mendirikan Kem Batu Suci untuk mengadakan protes. Projek Paip Saluran Minyak Dakota telah mengancam satu-satunya sumber air untuk masyarakat orang asal di situ, iaitu Sungai Missouri, dan melanggar perjanjian antara Kerajaan Persekutuan AS dengan Bangsa Sioux. Ramai orang datang menyokong protes tersebut. Protes di Standing Rock merupakan perhimpunan suku kaum orang asal AS yang terbesar dalam tempoh masa seratus tahun yang lepas ini. Pihak polis cuba menggunakan kekerasan untuk menyuraikan mereka yang berkumpul di situ. Pada bulan Disember, U.S. Army Corps of Engineers, iaitu agensi yang bertanggungjawab untuk pembinaan projek tersebut, telah ditolak permitnya untuk melakukan kerja-kerja pembinaan. Perjuangan menentang paip saluran minyak ini telah mendapat satu kemenangan untuk sementara tetapi amat penting.


(sambung di m/s 9)

Bersambung dari m/s 8

Turki Erdoğan menuju kuku besi

Presiden Turki, Recep Tayyip Erdoğan, telah mempergunakan cubaan kudeta yang gagal pada bulan Julai sebagai alasannya untuk memperhebatkan cengkaman kuku besinya. Dalam operasi pembersihan besar-besaran berikutan kegagalan kudeta tentera yang cuba menjatuhkan Erdoğan, kerajaan Parti Keadilan dan Pembangunan (AKP) dan Erdoğan telah mengetatkan kongkongan politik terhadap masyarakat melalui penangkapan dan pemenjaraan secara besar-besaran. Erdoğan berhasrat memperluaskan kuasa Presiden dan memperkukuhkan kedudukannya.

Kuasa-kuasa politik yang dianggap dapat mencabar dominasi kekuasaan



Erdoğan telah dipukul dengan hebatnya, termasuklah golongan kiri dan gerakan politik kaum Kurdi. Parti berhaluan kiri yang menyokong perjuangan orang Kurdi, Parti Demokratik Rakyat (HDP) telah menghadapi ancaman yang berterusan daripada pihak pemerintah. Ramai anggota HDP telah ditangkap dan dipenjarakan. 12 orang ahli parlimen HDP masih ditahan dalam penjara.

Colombia Berakhirnya perang saudara setengah abad

Kerajaan Colombia telah menandatangani satu perjanjian gencatan senjata yang bersejarah dengan Angkatan Bersenjata Revolusioner Colombia – Tentera Rakyat (atau lebih dikenali dengan nama singkatan FARC) pada 23 Jun. Namun, oleh sebab tindakan sabotaj daripada puak kanan seperti bekas Presiden Álvaro Uribe yang mahu menggagalkan proses pendamaian, referendum berkenaan dengan perjanjian damai dengan FARC telah ditolak dengan undian 50.22% membantah dan 49.78% menyokong, satu perbezaan undi yang kecil.

Walau bagaimanapun, Presiden Juan Manuel Santos yang memainkan peranan aktif dalam proses pendamaian telah dianugerahkan Hadiah

Keamanan Nobel. Tanpa berputus asa, kerajaan Colombia di bawah Pimpinan Santos telah menandatangani satu lagi perjanjian damai yang baru dengan FARC pada 24 November, dan dewan parlimen Colombia telah meluluskan sebulat suara perjanjian damai tersebut pada 30 November. Dengan termeterainya perjanjian damai tersebut, maka berakhirnya perang saudara di negara itu yang telah berlarutan lebih setengah abad.



Kertas Panama Bongkar kapitalis sedunia sembunyi kekayaan

Konsortium Antarabangsa Wartawan Penyiasat (ICIJ) telah mengumumkan pembongkaran tentang “Kertas Panama” melalui lebih kurang 100 media massa di seluruh dunia pada 3 April. “Kertas Panama” adalah himpunan dokumen-dokumen rahsia kepunyaan Mossack Fonseca, sebuah firma guaman yang beribupejabat di Panama, di mana dokumen-dokumen tersebut mengandungi maklumat terperinci berkenaan dengan 214,000 buah syarikat luar pesisir yang digunakan oleh kapitalis dan pegawai kerajaan untuk menyembunyikan kekayaan mereka. Penyembunyian kekayaan kapitalis melalui syarikat pengurusan kewangan luar pesisir telah membolehkan mereka mengelakkan diri daripada membayar cukai dan sekaligus melebarkan lagi jurang antara yang kaya dengan yang miskin.

Sigmundur Davíð Gunnlaugsson, Perdana Menteri Iceland, menjadi pemimpin negara yang pertama dijatuhkan selepas pembongkaran Kertas Panama. Kertas Panama telah membongkarkan bahawa Gunnlaugsson gagal mengisytihar sahamnya di sebuah syarikat yang didaftarkan di Kepulauan Virgin British yang kemudiannya dijual kepada isterinya untuk mendapat keuntungan daripada saham syarikat tersebut. Perkara tersebut telah mencetuskan protes besar-besaran sehingga Gunnlaugsson terpaksa meletak jawatan.



Protes di Iceland

Cabaran dan prospek antarabangsa 2017

Dalam setahun yang lepas, kita dapat saksikan perluasan pengaruh kuasa berhaluan kanan yang berbentuk rasis dan xenofobia. Parti-parti politik dan pemimpin politik yang berhaluan kanan ataupun bergerak berlandaskan sentimen populis telah berjaya menang dalam pilihanraya dan menjadi pemerintah (misalnya Donald Trump di AS, Rodrigo Duterte di Filipina dan sebagainya). Trend perluasan kuasa kanan yang reaksioner ini akan berterusan pada tahun 2017, khususnya di Eropah dengan parti-parti kanan lampau akan mendapat lebih sokongan dalam pilihanraya di Perancis dan Jerman, malah berkemungkinan membentuk kerajaan. Ini merupakan ancaman yang berbahaya untuk masyarakat sedunia.

Konflik yang disebabkan oleh perebutan kuasa dan kepentingan antara kuasa-kuasa kapitalis dunia masih berterusan. Peperangan di Syria, serangan pengganas yang berterusan dan krisis pelarian yang tiada penghujungnya, adalah fenomena dunia kapitalis dalam krisis yang mendalam dan tidak mungkin akan selesai sekiranya sistem kapitalis masih bermaharajalela.

Namun, gerakan rakyat menentang ketidakadilan sosial dan mencabar hegemoni kapitalis global tidak akan kurang hebatnya. Walaupun rintangan amat hebat, tetapi rakyat yang inginkan alternatif yang sebenar pastinya akan tabahkan hati untuk terus berjuang. ##

Solidariti untuk Teluk Muroh

Pada 9 Disember lalu, delegasi daripada PSM telah hadir ke Teluk Muroh, Lumut, Perak, untuk memberikan sokongan kepada nelayan di situ yang sedang membantah operasi penambakan laut yang akan menjejaskan rezeki mereka.

Majlis solidariti bersama penduduk dan nelayan Teluk Muroh tersebut dianjurkan oleh Gabungan Selamatkan Pantai Warisan Teluk Muroh, dengan sokongan daripada lebih 13 organisasi.

Walaupun para nelayan di Teluk Muroh telah berkali-kali cuba mengutarakan masalah mereka, tetapi Kerajaan Negeri Perak enggan mendengarnya. Hanya tinggal janji bahawa kebajikan mereka akan dijaga semasa dan selepas tambakan laut. Kerja tambakan telah hampir 80% siap, tetapi sehingga kini, tiada perjanjian atau jaminan dibuat secara bertulis kepada nelayan.

Kawasan yang terjejas dengan kerja-kerja penambakan ini adalah berada dalam lingkungan kawasan DUN Zambry Abdul Kadir, Menteri Besar Negeri Perak. Walaupun terdapatnya bantahan daripada masyarakat setempat, pihak Kerajaan Negeri Perak masih berdegil meneruskan projek. Kerajaan Negeri Perak nampaknya tidak ingin mengambil tahu bagaimana ianya akan menjejaskan kehidupan nelayan.

Kerajaan telah berjanji akan bina rumah dan jeti, tetapi kenapa pula enggan memberikan komitmen secara bertulis?

Jikalau ikhlas, Kerajaan Negeri harus mengadakan rundingan terus dengan

nelayan dan memberikan jaminan melalui perjanjian bertulis. Apakah yang hendak disembuyikan?

Jelas sekali, kawasan yang ditambah itu tidak mungkin akan digunakan untuk membina perumahan bagi nelayan.

Tempat strategik yang menghadap pantai ini pastinya akan digunakan untuk aktiviti komersial sepenuhnya seperti pembinaan resort, kondominium, hotel dan sebagainya.

Mungkin nelayan akan ditempatkan di kawasan pedalaman, maka lama-kelamaan mereka pun akan berputus asa daripada mencari rezeki di laut.

Teluk Muroh agak terkenal dengan hasil kerang dan udang yang ditangkap sepanjang pantai. Tetapi sekarang selepas tambakan ini, semua hasil ini akan hilang sama sekali.

Amat jelas bahawa kerajaan yang berpihak kepada kapitalis yang mementingkan wang hanya mementingkan keuntungan korporat dengan menghapuskan ekonomi tradisi rakyat marhaen. ##



Adakah Malaysia bersedia memberi kewarganegaraan kepada pelarian Rohingya?



Ada yang berpandangan bahawa pemimpin Myanmar, Aung San Suu Kyi tidak mahu mengambil satu pendirian tegas dalam isu Rohingya yang berlanjutan lebih 70 tahun tanpa solusi.

Pejabat Hak Asasi Manusia PBB berkata bahawa ia menerima laporan mengenai insiden-insiden kes rogol, pembunuhan serta penindasan yang lain, hampir setiap hari.

Baru-baru ini, Perdana Menteri Malaysia Najib Razak telah mengetuai satu protes membantah pembunuhan beramai-ramai (*genocide*) terhadap kumpulan minoriti Rohingya muslim di Myanmar. Beliau bertekad untuk memperjuangkan hak komuniti Rohingya. Katanya lagi, "kita mesti mempertahankan hak mereka, bukan sebab agama sahaja tetapi mereka juga manusia dan kehidupan mereka ada nilai". Ini disahut oleh Kementerian Luar Negari bahawa di Malaysia sendiri ada lebih 56,000 orang pelarian Rohingya dan kita mempunyai tanggungjawab untuk memastikan supaya "penghapusan etnik" Rohingya dihentikan segera untuk memastikan keselamatan dan kestabilan rantau ini.

Akibatnya, hubungan dua hala dengan Myanmar terjejas seketika. Ada juga pengkritik yang mengatakan bahawa perhimpunan Najib tersebut hanya bertujuan untuk meraih sokongan orang Melayu Islam memandangkan pilihanraya mungkin akan diumumkan lebih cepat daripada yang dijangka.

Apakah sebenarnya agenda kerajaan Malaysia? Kalau dikata setakat solidariti atas dasar kemanusiaan, tetapi masalah ini sudah berumur hampir 70 tahun dan di Malaysia kita ada pelarian Rohingya sejak tahun 1980-an. Kalau benar kerajaan Malaysia prihatin pada nasib komuniti Rohingya yang ditindas dan

dizalimi hampir 7 dekad, sebagai tuan rumah kepada lebih 56,000 Rohingya, hak asasi mereka harus dihormati. Atas dasar kemanusiaan, mereka sepatutnya diberi peluang pekerjaan, pendidikan dan hak di sisi undang-undang.

Adakah kerajaan Najib akan memberi kepimpinan di peringkat rantau Asia dan di kalangan komuniti antarabangsa untuk menghentikan keganasan terhadap Rohingya dan memberi tekanan kepada kerajaan Myanmar untuk mengiktiraf orang Rohingya sebagai warganegara?

Adakah kerajaan Najib bersedia memberi kewarganegaraan atau permit sementara kepada komuniti Rohingya di Malaysia? Pelarian Rohingya juga manusia seperti warga Malaysia dan kehidupan mereka adanya nilai. Atas dasar kemanusiaan, mereka tidak harus didiskriminasi.

Menurut media arus perdana, pada tahun 2012, golongan Buddha Rakhine menyerang masyarakat Rohingya Muslim di barat Myanmar, menyerang sesiapa sahaja di laluan mereka. Ini mencetuskan gelombang keganasan puak yang merebak ke bahagian lain di negara tersebut. Berpuluh-puluh ribu Rohingya telah ditempatkan di kem-kem primitif di bawah kawalan kerajaan bersenjata, manakala yang lain cuba melarikan diri ke luar negara seperti Malaysia atau Thailand.

Menurut Matthew Smith, Pengarah Eksekutif 'Fortify Rights', dalam temubual dengan Al Jazeera, situasi Myanmar hari ini tidak banyak beza dengan tahun 2014. Katanya, kita masih lagi menyaksikan pelarian Rohingya dipenjarakan di Thailand, tiada sebarang perlindungan oleh negara-negara di rantau ini dan masih melihat rangkaian perdagangan manusia yang meneruskan jenayah mereka dengan immuniti, tanpa

ditahan oleh pihak berkuasa. Punca segalanya adalah ketiadaan kewarganegaraan. Terdapat lebih daripada satu juta Rohingya yang dinafikan kewarganegaraan - ini adalah masalah pokoknya. Jadi, Myanmar perlu memastikan Rohingya mempunyai akses yang sama dengan hak-hak kewarganegaraan penuh.

Maka, soalan kepada kerajaan Malaysia adalah, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan, seperti kata PM Najib, hak komuniti Rohingya dipertahankan?

- Bagaimana kita memastikan tidak muncul satu lagi kubur besar-besaran, iaitu lubang untuk mangsa penyeludupan manusia, di sempadan Malaysia-Thailand? Adakah dengan cara membina tembok seperti kata Donald Trump di sempadan US-Mexico atau seperti Bangladesh dan Thailand yang menghalau mereka yang mencari suaka atau mengabaikan mereka di tengah laut?
- Sanggupkah Malaysia mengenakan sekatan ekonomi atau perdagangan untuk terus memberi tekanan kepada kerajaan Myanmar agar mereka mengiktiraf etnik Rohingya. Ada pengkritik mengatakan ini tidak akan bawa kesan kerana eksport Malaysia ke Myanmar hanya beberapa billion sahaja. Begitu juga import kita. Mungkinkah ini membawa penyelesaian dari sudut buruh murah? Menurut Kementerian Sumber Manusia, Malaysia mempunyai 141,000 orang pekerja Myanmar di sektor perkilangan terutamanya. Mereka boleh digantikan dengan mudahnya oleh lebih 151,000 pelarian termasuk Rohingya yang berdaftar dengan UNHCR (Pesuruhjaya Tinggi untuk Pelarian PBB), kecuali kapitalis Malaysia ada bantahan kerana agenda mereka akan terjejas!

- Bersediakah kerajaan Malaysia



Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengutuk Myanmar kerana gagal memerangi keganasan dan memaksa lebih daripada 30,000 Rohingya meninggalkan rumah mereka, sejak kekerasan berdarah oleh tentera Myanmar di Rakhine Barat bermula pada bulan Oktober 2016. Sekurang-kurangnya 10,000 orang telah mendarat di Bangladesh walaupun negara itu menyekat kemasukan Rohingya. Myanmar menafikan dakwaan dunia, namun mereka menyekat kemasukan wartawan, agensi bantuan dan hak asasi ke kawasan tersebut untuk menyiasat keadaan sebenar.



Kumpulan Hak Asasi: Bertindak sekarang untuk mengelakkan pembunuhan beramai-ramai Rohingya.



Bekas Setiausaha Agung PBB, Kofi Annan mengetuai suruhanjaya penasihat untuk meneliti konflik etnik di Rakhine.

untuk memberi pengiktirafan kepada pelarian Rohingya di Malaysia dalam bentuk permit kerja, pemastautin tetap, naturalisasi atau kerakyatan. Adakah ini satu langkah yang akan diterima oleh rakyat Malaysia, yang sememangnya kurang kesedaran tentang isu pelarian, malah selalu keliru antara pekerja migran dan pelarian?

- Mungkinkah solusi berbentuk bantuan kemanusiaan dan pembangunan kepada rakyat Myanmar miskin, tanpa mengira kaum dan agama, boleh menyelesaikan masalah Rohingya?

(oleh Letchimi)



Segar: Aku tidak minati wang

Penyambung legasi mendiang Bala

oleh Arutchelvan

Pada 15 Disember lalu, Mahkamah Tinggi Ipoh penuh sesak dengan petani, pekerja ladang dan pekerja kilang di hadapan Hakim Yang Arif Dato' Che Mohd Ruzima Ghazali. Suasana hari ini tidak setegang perjumpaan-perjumpaan sebelum ini apabila mahkamah sesak dengan rakyat marhaen yang menghadapi kes pengusiran paksa atau kes pembuangan pekerja.

Namun pada hari ini, ada petisyen lain yang tidak kurang pentingnya, malah juga amat bersejarah, kerana seorang anak bekas pekerja ladang, seorang aktivis yang berpengalaman lama, yang sudah berusia 50 tahun, akan ditauliahkan sebagai seorang peguam. Selama bertahun-tahun menjalankan pelbagai kes untuk rakyat marhaen dan sering disindir sebagai "loyar buruk", namun hari ini individu ini telah melintasi segala rintangan pahit dan mencabar untuk menjadi seorang peguam yang bertauliah. Apabila saya tanya dia apakah rancangan beliau selepas ini? Beliau menjawab dengan selamba, "saya sebenarnya tidak minat pada wang." "Saya mahu habiskan masa untuk mengorganisasi massa dan melawan untuk keadilan."

Kunasekaran, atau lebih dikenali sebagai Segar, lahir pada tahun 1964 dan berasal dari Ladang Elphil, Sungai Siput, Perak. Adalah sedih bahawa kedua ibubapanya, Krishnan a/l Koothan dan Murugayee a/p Sellamuthu telah meninggal dunia, dan tidak bersama merayakan pencapaian anak mereka yang kelima ini. Segar datang daripada keluarga besar yang mempunyai 8 orang adik beradik. Dia datang daripada keluarga miskin tetapi berprinsip. Ibubapanya memang orang yang berani dan tidak pernah menghalang anak mereka terlibat dalam kerja-kerja membela rakyat marhaen. Ibunya pernah digantung pekerjaan selama seminggu kerana Segar aktif dalam Jawatankuasa Pendidikan di ladang tersebut yang dibantah oleh pihak majikan.

Segar telah mendapat pendidikan awal di sekolah aliran tamil dan kemudiannya menyambung pendidikan menengahnya di SMK Methodist Sungai Siput. Sebagai pelajar daripada aliran Tamil, memang amat sukar untuk belajar buku-buku teks dalam bahasa Inggeris, termasuk rujukan-rujukannya. Ini juga adalah satu cabaran yang amat besar dan atas usaha gigih beliau, perkara ini dapat diatasi. Saya berpendapat bahawa keyakinan itu wujud padanya kerana beliau biasa bertembung dengan orang berpendidikan, majikan,

peguam majikan dan lain-lain yang berada di pihak lawan. Segar dengan keyakinan yang beliau ada dan juga pengalaman apabila bersama dengan orang seperti Saras yang setiap saat akan mencabar beliau, jika beliau tidak berani berhujah atau bercakap balik.

Pada tahun 1987, Segar berkenalan dengan sekumpulan mahasiswa-mahasiswi dari Universiti Malaya di Ladang Elphil Sungai Siput, antaranya adalah Dr. Kumar dan Rani. Turut bersama kumpulan ini adalah seorang aktivis sosial, Sarasvathy. Beliau mendapat pendidikan ideologi sosialis daripada mereka ini dan mula berminat dengan kerja kebajikan dan perjuangan kelas. Segar kemudiannya bersama dengan anak muda lain di ladang tersebut, seperti Letchu, Sugu, Agastin dan Tannimalai mula menganjurkan kelas-kelas pendidikan percuma untuk anak-anak pekerja ladang dari kawasan berhampiran. Pada awalnya, mereka dikenali sebagai kumpulan pendidikan dan kemudiannya apabila markas kumpulan ini berpindah ke Ipoh, mereka dikenali sebagai Alaigal, iaitu salah satu fron yang menubuhkan Parti Sosialis Malaysia (PSM) pada tahun 1998.

Segar ialah seorang yang begitu sibuk dan aktif. Beliau pernah menjadi guru sementara selama 6 tahun bermula dari tahun 1989, dan kemudiannya mulai tahun 1994, beliau bersama Saras telah memainkan peranan penting dalam menggerakkan pelbagai sektor, seperti pekerja ladang, petani, peneroka bandar, pekerja kilang dan sebagainya.

Segar juga seorang yang lantang bersuara dan pandai berpidato sejak saya mengenalinya. Beliau juga berjaya mengeluarkan dua album lagu tamil dengan mengubahsuai lagu-lagu tamil kepada lagu-lagu progresif dan berunsur perjuangan. Lagu-lagu ini memang terkenal dan dipuji ramai. Namun, beliau sehingga hari ini masih bujang dan walaupun ada pelbagai kesempatan untuk beliau berkahwin, beliau sering mengetepikan semua ini sebagai tidak penting dan tidak relevan dalam

hidupnya.

Penglibatannya bersama ini membawa Alaigal kemudian menjadi sebahagian daripada PSM pada tahun 1996. Maka, Segar menjadi antara aktivis hebat selepas barisan pertama yang dikenali ramai seperti Dr. Kumar, Rani dan Saras di Perak. Semua kerja-kerja ini memberikan pendedahan undang-undang kepadanya, beliau sering kecewa kerana ramai peguam yang tidak datang ke depan membantu rakyat ini. Banyak daripada ideanya juga tidak diendahkan oleh peguam lain.

Satu lagi perkara yang menarik, adalah pada tahun 2004, Segar bertanding sebagai calon PSM di DUN Jalong. Disebabkan PSM belum didaftarkan lagi pada masa itu, maka PSM berdiri atas logo PKR. Namun, wujudnya pertandingan 3 penjurur antara calon BN, Chang Ko Youn menentang Segar dan seorang calon DAP, Ding Chin Aik. Ramai pemerhati politik menjangkakan Segar akan hilang deposit, kerana kawasan tersebut juga adalah kubu kuat DAP dan majoriti pengundi adalah orang cina. Namun demikian, Segar melakukan kejutan apabila menduduki tempat kedua dengan 3,638 undi, menewaskan calon DAP yang memperoleh hanya 2,928 undi.

Antara peguam yang paling digemari olehnya dan seorang peguam yang tidak pernah mengecewakan beliau, adalah Peguam G. Balasundram, yang dikenali sebagai Peguam Bala. Peguam Bala walaupun dalam kesibukan kerjanya, merupakan satu-satunya peguam yang tidak pernah berkata tidak apabila kes diberikan kepadanya. Walaupun dia banyak merungut bahawa terpaksa membuat banyak kerja tetapi akhirnya beliau akan juga membuat kes tersebut dan sanggup bekerja sehingga larut malam dan awal pagi untuk menyediakan sebuah kes.

Namun, Peguam Bala sering berkata bahawa PSM perlu ada seorang peguam dan beliau juga kemudiannya telah menyumbang wang kepada Segar untuk belajar jurusan undang-undang. Ramai rakyat lain juga begitu teruja untuk menjadikan Segar sebagai seorang peguam dan mereka banyak membantu dalam memberikan sedikit sumbangan untuk beliau belajar undang-undang. Dengan wang dan kemudahan yang terhad, Segar meneruskan ekspedisi beliau.

Namun, pada 16 November 2010, Peguam Bala ditikam dan dibunuh secara kejam. Rakyat Marhaen dan PSM kehilangan seorang Peguam Rakyat dan Segar kehilangan seorang mentor. Kehilangan Peguam Bala merupakan satu kehilangan besar

kepada dunia perundangan dan keadilan. Kata-kata Peguam Bala sering bergegas di telinga Segar di mana beliau berkata, "... A CALLING, NOT MERE GAINFULL EMPLOYMENT".... Kini cabaran untuk beliau menjadi peguam semakin terdesak.

Berlatarbelakangkan pembunuhan yang kejam ini, pada tahun 2004, Segar di luar jangkaannya, telah berjaya mendapat peluang belajar di Universiti Malaya untuk mempelajari Sarjana Muda Jurisprudens (Eksternal). Beliau kemudian memperolehi Ijazah Sarjana Muda Jurisprudens pada tahun 2008 dan Sijil Amalan Guaman (CLP) pada tahun 2014. Segar kemudian membuat *chambering* selama 9 bulan di Tetuan L.H Singh & Co.

Pada hari beliau diajak ke Bar adalah cukup beremosi kerana ibu kepada Balasundaram turut hadir di Mahkamah. Beliau sering berkata kepada Segar bahawa jubah Bala disimpannya untuk diberikan kepada Segar pada suatu hari nanti. Hari ini, perkara ini menjadi realiti apabila jubah mendiang Balasundram yang dibunuh secara kejam kini dipakai Segar. Jubah ini disumbangkan kepada Segar oleh pengajarnya, Shivdev Singh. Ibu Bala menyaksikan semua ini di Mahkamah dengan rasa lega bahawa legasi Bala kini dapat disambung oleh seorang peguam baru yang bernama Segar. Apabila peguam Cheang Lek Choy menghabiskan hujahnya memperkenalkan Segar di Mahkamah, maka satu tepukan gemuruh telah diberikan kepada Segar. Selain itu, Hakim Dato' Ruzima juga mengucapkan tahniah kepada Segar dan hakim sendiri menyerunya untuk meneruskan kerja-kerja aktivis beliau.

Ramai yang datang ke mahkamah hari ini merupakan petani, pekerja ladang dan rakyat marhaen yang hadir dengan harapan seorang peguam berjiwa rakyat ada berada di sisi mereka. Mereka balik dengan harapan ini, namun Segar sendiri pernah berkata bahawa sistem kehakiman hanyalah satu proses; untuk menang, memerlukan gerakan rakyat yang kuat dan sistem yang lebih adil.

Karl Marx dalam Manifesto Komunis berkata bahawa imej peguam pada zaman kapitalis akan merosot kerana wang akan menyelubungi hidup mereka daripada kepentingan kerjaya mereka. Sesungguhnya peguam yang hebat dan dahsyat di dunia seperti Mandela, Fidel Castro, Martin Luther King, Ghandi dan Lenin dikenali di dunia bukan kerana hujah kemenangan mereka di Mahkamah tetapi oleh kerana keberanian mereka melawan sistem yang sedia ada demi membina sebuah dunia yang lebih adil.

Segar, teruskanlah legasi ini! ##



Tabung Pemberhentian Kerja

Perlindungan Asasi Pekerja

oleh Sivaranjani

Sejak September 2015, PSM telah giat berkempen mendesak kerajaan supaya melaksanakan Tabung Pemberhentian Kerja untuk pekerja Malaysia. Ini kerana ramai pekerja hilang kerja akibat syarikat bankrap, tutup beberapa bahagian operasi syarikat ataupun pindah syarikat ke negara lain. Untuk keseluruhan tahun 2015, statistik kerajaan menunjukkan bahawa 38 ribu lebih pekerja telah hilang kerja, manakala untuk tahun 2016 dari Januari hingga September sahaja, 31 ribu pekerja telah hilang kerja dan ini telah diakui oleh Timbalan Menteri Sumber Manusia di Parlimen baru-baru ini.

Dalam keadaan ini, mengapa idea kerajaan untuk Skim Insurans Pekerjaan (SIP) di mana fungsinya sama dengan Tabung Pemberhentian Kerja (TPK) tidak dipercepatkan proses pelaksanaannya? Sejak tahun 2009 lagi, Kerajaan telah berbincang, mengkaji dan juga memperuntukkan RM 80 juta untuk penubuhan Tabung Bantuan Kehilangan Pekerjaan (TBKP) pada waktu itu. Tetapi, wang ini tidak digunakan kerana pihak majikan dan pekerja gagal mencapai persetujuan.

Selepas itu, SIP ini dari masa ke semasa dibincangkan dalam mesyuarat triparti (Majikan-Pekerja-Kerajaan), tetapi tidak dibawa ke Parlimen untuk mendapatkan kelulusan. Pada tahun 2014, kerajaan pernah berjanji akan membawa dalam sesi Parlimen Mac 2015, tetapi gagal berbuat demikian. Pada tahun 2016 pula, janji yang sama dibuat, iaitu Menteri Sumber Manusia Richard Riot berkata bahawa akan bawa kertas Kabinet ke Parlimen pada sesi Mac 2017. Adakah ini akan dimaterialisasikan?

Sebenarnya, SIP ataupun TPK bukan sesuatu yang mustahil untuk dilaksanakan sehingga kerajaan perlu mengambil masa yang begitu lama untuk menjadikannya sebagai undang-undang. Sebaliknya, kita boleh dikatakan negara yang ketinggalan jauh berbanding negara lain apabila terus melambatkan proses ini.

Mari kita tengok sedikit sejarah tentang kewujudan faedah perlindungan sebegini di dunia!

Tabung Pemberhentian Kerja juga konsepnya sama dengan Skim Insurans Pekerjaan. Skim ini mula diperkenalkan di Kota Basel, Switzerland pada tahun 1789. Tetapi, ia hanya bertahan untuk beberapa tahun sahaja. Pada tahun 1824, kesatuan sekerja di England yang bernama Persatuan Penghijrah Pekerja Enjin Stim (*Journeyman Steam Engine Workers Society*) mengedarkan faedah henti kerja kepada ahli-ahlinya yang

menganggur. Pada tahun 1846, Kesatuan Pencetak di Brussels mewujudkan faedah pemberhentian kerja untuk ahli-ahlinya.

Selepas itu, di Berne, Switzerland, telah menjadi kota pertama mengusahakan rancangan Skim Insurans Pekerjaan pada tahun 1893. Ini diikuti oleh Bologna, Itali, pada 1896 dan Leipzig di Jerman pada tahun 1903. Namun, rancangan ini tidak lama bertahan kerana tiada satu sistem undang-undang jangkamasa panjang.

Selepas itu, kerajaan pertama yang meluluskan undang-undang yang memperuntukkan subsidi kepada dana pengangguran sukarela adalah Perancis pada tahun 1905. Great Britain menubuhkan skim pengangguran kebangsaan wajib pada tahun 1911, dan ia digunakan dalam enam industri di negara tersebut. Ia memberi perlindungan kepada kira-kira 2,500,000 orang pekerja. Berikutan ini, tujuh negara Eropah menjadikan skim ini wajib di seluruh negara mereka.

Kebanyakan negara maju di Eropah dan Amerika Utara melaksanakan sistem perlindungan pengangguran dengan sumbangan atau bukan penyumbang pada awal hingga pertengahan 1900-an.

Sejarah telah membuktikan bahawa hanya undang-undang negara dapat memberikan perlindungan pengangguran yang mampan untuk pekerja. Ia harus menjadi skim yang wajib, diperkenalkan dan dikuatkuasakan oleh kerajaan yang bertanggungjawab dan mengambil berat tentang rakyatnya.

Di dunia juga, satu lagi terma yang digunakan untuk faedah ini, iaitu

Pampasan Berhenti Kerja, iaitu dalam bahasa Inggeris dikatakan "Severance Pay Programs", di mana faedah ini telah wujud lama di kebanyakan negara di Asia. Akan tetapi, ini adalah berbeza dengan Skim Insurans Pekerjaan ataupun Tabung Pemberhentian Kerja yang kita sedang tuntut. Pampasan Berhenti Kerja ini ada dalam undang-undang seperti Akta Kerja, dan untuk ini tidak perlu simpan dana terlebih dahulu. Insurans Sosial, atau Skim Insurans Pekerjaan, ataupun apa yang dikatakan Tabung Pemberhentian Kerja, adalah berbeza di mana sumbangan diambil sebelum berlaku pemberhentian kerja dan mendapat jaminan kerajaan serta terikat di bawah undang-undang. Skim sebegini mewajibkan sumbangan daripada majikan dan pekerja bagi tujuan penggunaan pada masa majikan bankrap dan tiada duit.

Mengapa Faedah Pengangguran ini penting?

Organisasi Buruh Antarabangsa (*International Labor Organization* – ILO) yang boleh dikatakan satu-satunya organisasi yang menentukan standard undang-undang buruh yang asas, telah mengatakan bahawa skim sebegini perlu diwajibkan untuk melindungi pekerja.

Konvensyen ILO No.102 dan No.168, menyatakan tentang Skim Insurans Pekerjaan dan ia terbukti satu faedah yang efektif untuk melindungi penganggur.

Konvensyen ILO 1952 (No. 102) berkaitan Keselamatan Sosial (Standard Minimum), menyatakan bahawa patutnya ada pemberian manfaat tunai

kepada penganggur yang mampu dan bersedia untuk bekerja tetapi tidak dapat membantu memperoleh pekerjaan yang sesuai.

ILO menggariskan dua kepentingan utama faedah SIP ataupun TPK ini apabila wujud krisis ekonomi dunia:

1. Pertama, ia telah menekankan kepentingan mempunyai skim faedah pengangguran yang direka dengan baik bukan sahaja menyokong transformasi struktur ekonomi dalam keadaan "normal", malah juga boleh ditingkatkan secara pantas sekiranya berlaku kejutan ekonomi besar untuk merealisasikan potensi penuh mereka sebagai penstabil automatik bagi permintaan agregat.

2. Kedua, skim faedah pengangguran boleh mencapai potensinya hanya jika dibiayai sewajarnya daripada sumbangan dan cukai umum. Jika kewangan tidak mencukupi, waktu yang tidak sesuai, dan pembatasan manfaat mungkin mempunyai kesan pro-kitaran – ini semua boleh menggagalkan pemulihan ekonomi dan membawa kepada peningkatan yang ketara dalam kemiskinan. ##

TUNTUTAN KEPADA KERAJAAN LAKSANAKAN



#TABUNGPEMBERHENTIANKERJA

Pekerja pembersihan hospital dianaktirikan

Kenapa wujud diskriminasi dalam Golden Gift UEM?

Pada 8 Disember lalu, pekerja-pekerja sokongan (yang bertugas sebagai pekerja pembersihan) dari 15 buah hospital di negeri Petak, telah mengadakan satu aksi bantahan di Menara UEM, Kuala Lumpur, demi menuntut wang saguhati "Golden Gift" yang dinafikan oleh pihak syarikat UEM Edgenta Berhad.

Pada April 2016, semua pekerja di bawah UEM Group, termasuk penyelia, pembantu penyelia, kerani, pekerja maintenance, bahagian elektrik dan dobi telah menerima wang saguhati Golden Gift oleh pihak syarikat sebagai penghargaan kepada perkhidmatan mereka. Tetapi, pekerja-pekerja pembersihan yang juga diupah di bawah syarikat yang sama ini telah dikecualikan

daripada menerima Golden Gift tersebut.

Persoalan yang timbul dalam fikiran para pekerja pembersihan yang telah menyumbangkan banyak tenaga mereka dengan gaji yang rendah, "adakah pekerja pembersihan tidak layak dilayan seperti pekerja yang lain?"

Selepas pekerja mengadakan protes di hadapan Menara UEM, pihak pengurusan syarikat UEM telah berjumpa dengan wakil pekerja untuk rundingan. Pihak syarikat UEM berjanji akan memberikan satu keputusan kepada

tuntutan pekerja pembersihan pada 10 Januari 2017.

Turut bersama dengan pekerja-pekerja pembersihan dalam aksi bantahan ini ialah M. Saravathy (Timbalan Pengerusi PSM) dan S. Arutchelcan (AJK Pusat PSM). ##



Cameron Highlands

oleh **Suresh Kumar** (Setiausaha PSM Cawangan Cameron Highlands)

Hujan yang lebat di Cameron Highlands pada Hari Krismas menyebabkan banjir kilat di sekitar Padang Tanah Rata [Padang Majlis Daerah Cameron Highlands (MDCH)], tanah runtuh di Jalan Ringlet-Tanah Rata, tanah runtuh di kawasan Rumah Peranginan Sharples TNB di Tanah Rata dan air terjun yang melimpah ke jalanraya di Jalan Simpang Pulai-Blue Valley.

Iklim di bumi sedang berubah dan tidak lagi mengikut trajektori seperti yang diramalkan akibat pembebasan yang melampau gas rumah hijau, seperti karbon dioksida (CO2) dan metana (CH4). Perkara ini diketahui sejak permulaan dekad ini.

Oleh itu, menuduh hujan lebat sebagai punca berlakunya banjir di Cameron Highlands tidak lagi berasas, terutamanya apabila alasan ini diguna lagi oleh ahli politik dan elit pemerintah untuk menjustifikasi kejadian semalam.

Taburan hujan pada 25 Disember 2016 ialah 101.0 mm, merupakan salah satu taburan hujan harian yang tinggi; tetapi bukannya taburan hujan sebegini sudah dilihat ketika banjir kilat tahun 2013 dan 2014? 2 tahun sudah berlalu tetapi pentadbiran daerah dan keadaan alam sekitar Cameron Highlands masih berada dalam “perlumbaan ke bawah” (*race to the bottom*).

1) Penebangan hutan dan kegiatan pertanian yang tidak mesra alam, menyebabkan sungai cetek

Lihat warna air yang membanjiri Padang Tanah Rata dan air terjun yang melimpah di Jalan Simpang Pulai-Blue Valley. Warnanya seperti “teh tarik”, menunjukkan bahawa penebangan hutan di hulu sungai masih berlaku.

50% Tasik Ringlet (Empangan Hidroelektrik Sultan Abu Bakar) masih dipenuhi dengan lanar dan Tenaga Nasional Berhad membelanjakan RM 40 juta setiap tahun untuk mengeluarkan kelodak ini (Utusan Online – 1 Oktober 2016). Dari mana datangnya kelodak ini? Jawapan kami adalah semestinya dari hulu sungai di mana kerja-kerja penolakan tanah masih berlaku. Contohnya, di



Masalah alam sekitar dan golongan 1%

sepanjang jalan Simpang Pulai-Blue Valley, terdapat satu kebun sayur yang tidak diketahui berapa keluasan nya dibenarkan dibuka di puncak kawasan pergunungan! Kami mendengar khabar bahawa kebun ini masih dalam proses berkembang luas!!

Bagaimanakah hutan dibenarkan ditebang walaupun terdapat undang-undang yang menghalang pembukaan hutan di kawasan yang ketinggiannya lebih 1000 meter dan melebihi kecerunan tertentu? Apa sudah terjadi dengan penanaman semula hutan?

Pertanian tidak mesra alam pula wujud akibat motif politik Kerajaan Pahang mengamalkan polisi pemberian Lesen Pendudukan Sementara (LPS) kepada kebanyakan petani di Cameron Highlands. Oleh sebab itu, petani tidak mengambil berat dan tidak berani melabur ke atas masalah hakisan tanah pertanian yang masuk ke dalam sungai. LPS digunakan sebagai alat untuk menakutkan petani kerana LPS adalah lesen yang perlu diperbaharui (atau boleh dibatal/diubah) setiap tahun oleh Kerajaan Pahang.

2) Ketamakan segolongan kecil (1%) di Cameron Highlands

Projek-projek pembinaan di Cameron Highlands tidak mementingkan alam sekitar dan sosio-ekonomi 99% daripada rakyatnya. Pembangunan tanah di Cameron untuk 15 tahun yang akan datang tertumpu pada kegiatan komersial (83%), diikuti perumahan (22%) dan struktur awam (4%). Fakta ini diperoleh daripada Draf Rancangan Tempatan Cameron Highlands 2030 (DRTCH 2030).

Bangunan komersial seperti hotel, pejabat dan ruang perniagaan dibina di atas rizab sungai dan rizab jalan. Struktur-struktur komersial ini dibenarkan beroperasi tanpa memiliki tempat letak kereta yang mencukupi, tanpa sistem saliran air yang baik dan penyuraian trafik yang sangat lemah. Kesesakan lalulintas dan banjir kilat yang sering berlaku jelas menunjukkan kelemahan ini. Projek-projek perumahan “tidak mampu milik” yang bertumbuh bagaikan cendawan selepas hujan di kawasan bandar hanya memburukkan keadaan. Faktor lokasi yang strategik membolehkan pemaju jual rumah-rumah ini dengan harga yang tinggi berbanding nilai sebenarnya. Harga rumah paling rendah untuk seunit rumah PR1MA di

Cameron Highlands sudah pun mencecah RM120,000!

Bagaimanakah kem askar di tengah bandar Brinchang boleh dijual kepada syarikat swasta untuk pembangunan komersial tetapi tidak pula dibangunkan sebagai tapak pasar malam atau tempat letak kereta?

Kami percaya bahawa sekumpulan kecil penduduk (1%) di Cameron Highlands adalah penyebab kepada kemusnahan alam sekitar di Cameron Highlands. 1% bermakna 400 orang daripada 40,000 penduduk Cameron Highlands (angka bilangan penduduk yang diperolehi melalui DRTCH 2030).

3) Kemusnahan alam sekitar dan kewujudan penduduk miskin bandar di Cameron Highlands

Terdapat sebuah kampung Melayu di Brinchang yang pada asalnya merupakan kawasan pilihan penempatan bagi mereka yang kurang berupaya menyewa/membeli rumah di sekitar Tanah Rata dan Brinchang. Kebanyakan daripada mereka berasal dari kaum Melayu, tetapi terdapat juga rumah yang didirikan oleh kaum India dan Orang Asli. Kebanyakan rumah di sini didirikan tanpa mendapatkan kelulusan agensi kerajaan.

Perkampungan ini bertambah besar dengan peredaran masa. Apabila hujan lebat turun, banjir kilat berlaku dengan cepat di kawasan ini kerana sistem saliran air yang lemah.

Mengapakah perkampungan sebegini wujud? Sebabnya adalah, golongan berpendapatan sederhana/rendah tidak mampu untuk menyewa (lebih kurang RM800 sebulan) atau membeli rumah di Tanah Rata dan Brinchang.

Pengagihan kekayaan sesama kaum Melayu (termasuk di Cameron Highlands) hanya tertumpu pada segelintir kecil golongan elit. Proses ini telah bermula sejak “Dasar Ekonomi Baru” (DEB) diperkenalkan pada tahun 1971. Golongan elit ini sangat berkait rapat dengan kuasa pemerintah iaitu, UMNO-BN.

Purata pendapatan satu keluarga Melayu di Malaysia pada tahun 2015 ialah RM 5,600. Tetapi nilai angka ini tidak dinikmati oleh kebanyakan isi rumah, lebih-lebih lagi di kawasan luar bandar seperti Cameron Highlands.

Kami pernah mendapat satu kes di Pusat Khidmat PSM di mana seorang makcik Melayu yang tidak pernah berpeluang memiliki apa-apa rumah atau tanah walaupun beliau dilahirkan dan membesar di Cameron Highlands. Tetapi makcik ini tidak sanggup untuk berjuang kerana takut dilabel sebagai penyokong parti pembangkang. Makcik ini juga takut akan kehilangan ganjaran-ganjaran kecil yang diberikan oleh UMNO-BN.

Jadi, untuk siapakah yang dikatakan “pembangunan” ini tertumpu? Adakah lebih banyak hutan ditebang untuk membina rumah bagi golongan miskin bandar? Adakah lebih banyak hutan ditolak supaya diberikan kepada keluarga-keluarga miskin di Cameron Highlands untuk



mengusahakan kebun sayur 2 ekar sekeluarga?

4) Apakah penyelesaiannya?

Kenapakah agensi kerajaan di Cameron Highlands, peringkat negeri Pahang dan Persekutuan gagal membendung permasalahan ini? Adakah syarikat atau golongan 1% ini mempunyai pengaruh yang sangat tinggi sehingga polisi-polisi pembangunan di Cameron Highlands dibuat supaya memenuhi kehendak mereka?

Ini bukan tuduhan, kerana insiden seperti banjir kilat di Lembah Bertam (tahun 2013 dan 2014) terus berulang. Apakah punca insiden banjir di bandar Brinchang dan jambatan runtuh di Kuala Terla pada Mei 2016?

Banjir kilat ini tidak akan berhenti selagi kuasa membuat keputusan tidak diturunkan kepada rakyat biasa (iaitu semua penduduk Cameron Highlands).

Cadangan kami untuk memperbetulkan masalah kemusnahan alam sekitar ini adalah seperti berikut:

1. Mewujudkan **pilihanraya kerajaan tempatan** bagi memilih Ahli Majlis Daerah Cameron Highlands. Ahli Majlis buat masa sekarang dipilih daripada parti pemerintah dan kebanyakan keputusan yang dibuat oleh Ahli Majlis ini hanya sebagai “*rubber-stamp*” atau untuk menjaga kepentingan perniagaan dan peribadi mereka. Cameron Highlands memerlukan Ahli Majlis yang bebas, tidak berkepentingan sendiri, telus dan berfikiran mesra alam sekitar dan pro-rakyat.
2. Mengisytiharkan “**Darurat Ekologi**” (*eco-emergency*) di Cameron Highlands; di mana semua pembukaan hutan, penolakan tanah dan pembinaan struktur komersial atau kerajaan yang baru diberhentikan untuk dikaji semula. Kajian semula ini perlu dibuat oleh satu jawatankuasa yang dianggotai oleh wakil jabatan kerajaan, NGO alam sekitar, organisasi penduduk Cameron Highlands dan parti-parti politik. Keputusan jawatankuasa ini harus diumumkan kepada rakyat dan tidak boleh diubah oleh mana-mana pihak.

Ini adalah 2 langkah yang akan mencairkan kuasa eksekutif segolongan kecil pentadbir dan individu di Cameron Highlands kepada kumpulan yang lebih besar dan lebih berkepelbagaian.

Selagi golongan 1% masih mendominasi proses membuat keputusan, Cameron Highlands akan terus menuju ke arah kehancuran! ##

Korea Selatan Perhimpunan lilin jatuhkan Presiden

Selepas perhimpunan lilin yang berlarutan untuk 6 minggu, pada 9 Disember lalu, Parlimen Korea telah mengadakan undi terhadap usul pemecatan Presiden Park Geun-hye. Daripada 300 orang ahli parlimen, seramai 234 orang telah mengundi untuk menyokong usul pemecatan Presiden Park. Park yang telah mencatatkan rekod sebagai Presiden Korea Selatan yang mempunyai sokongan paling rendah dalam sejarah pungutan suara orang ramai, digantung kuasanya sebagai Presiden dan Perdana Menteri Hwang Kyo-ahn mengambilalih sebagai pemangku Presiden sehingga Mahkamah Perlembagaan Korea membuat keputusan muktamad tentang pemecatan Park sebagai Presiden.

Rakyat Korea meneruskan perhimpunan mingguan selepas undi usul pemecatan Presiden Park diluluskan. Ini adalah satu kemenangan kuasa rakyat, di mana aksi protes yang konsisten setiap minggu akhirnya berjaya menjatuhkan seorang Presiden.

Sejak bulan Oktober yang lalu, skandal berkaitan dengan seorang sahabat rapat Park, Choi Soon-sil, telah didedahkan dalam media massa. Choi Soon-sil ialah anak kepada Choi Tae-min, seorang pemimpin kultus agama yang digelar "Rasputin Korea". Choi Tae-min merupakan mentor kepada Park sebelum dia meninggal dunia pada tahun 1994. Choi Tae-min juga merupakan sekutu rapat kepada diktator Park Chung-hee, bapa kepada Park Geun-hye. Skandal berkaitan dengan Choi Soon-sil melibatkan pendedahan bahawa walaupun Choi bukanlah penjawat awam, tetapi dia telah mempengaruhi dasar-dasar dan keputusan yang dibuat oleh kerajaan dengan menggunakan hubungan rapatnya dengan Presiden Park. Skandal ini telah mencetuskan kemarahan rakyat. Choi Soon-sil telah diberkas polis untuk didakwa dan Park juga di bawah siasatan.

Pada 29 Oktober lalu, perhimpunan lilin yang pertama kali menuntut perletakan jawatan Presiden Park telah diadakan dengan lebih 30,000 orang turun ke jalanan. Setiap hari Sabtu selepas itu, perhimpunan lilin tetap diadakan dengan penyertaan yang lebih besar, sehingga Park digantung jawatannya sebagai Presiden.

Pada awalnya semasa skandal didedahkan, Park enggan meletak jawatan, dan cuba mengadakan rundingan dengan elit politik dari pelbagai puak, demi mengelakkan dirinya daripada meletak jawatan ataupun dipecat. Namun, rakyat Korea Selatan tidak mudah dibuli oleh elit politik. Mereka berhimpun setiap minggu secara konsisten, dengan skala perhimpunan yang semakin bertambah besar. Rakyat yang turun ke jalanan dan menyalakan lilin, bukan sahaja marah pada parti pemerintah Parti Saenuri yang dipimpin oleh Park, tetapi juga merakamkan



ketidakpuashatian mereka terhadap parti pembangkang yang tidak berpendirian teguh.

Rakyat desak pembangkang bertindak

Dua parti pembangkang terbesar di Korea Selatan, iaitu Parti Demokratik dan Parti Rakyat, walaupun menguasai majoriti kerusi dalam parlimen, tetapi mereka tidak bertindak secara cepat dan tegas apabila skandal Park tercetus. Kedua-dua parti tersebut pada awalnya gagal mengemukakan apa-apa langkah yang sesuai untuk menangani krisis politik terbaru ini, malah ragu-ragu dalam memilih sama ada tegas untuk berjuang ataupun membuat kompromi politik.

Parti-parti pembangkang pada awalnya juga tiada keyakinan untuk mendapatkan undi sokongan 2/3 dalam parlimen untuk memecat Park. Mereka tidak berani untuk membentangkan usul pemecatan Park. Namun, sepanjang bulan November, mobilisasi rakyat semakin hebat dan akhirnya parti pembangkang terpaksa tunduk pada kehendak rakyat yang menunjukkan kekuatan hebat itu. Disebabkan tekanan daripada mobilisasi rakyat yang begitu kuat, ahli-ahli parlimen daripada parti pembangkang dan parti pemerintah telah mengundi untuk meluluskan usul pemecatan Park. Ini merupakan satu titik tolak yang penting dalam sejarah demokrasi Korea Selatan.



Apabila Park mendapati gelombang kebangkitan rakyat semakin hebat dan menggugat kedudukannya, dia cuba menyelamatkan dirinya dengan ucapannya pada 29 November yang mengatakan dirinya sudi meletak jawatan dan mencadangkan Parlimen untuk mengatur proses peralihan kuasa. Ini merupakan cubaan terakhir Park untuk mengelakkan dirinya daripada dipecat, namun perhimpunan raksasa pada 3 Disember dengan penyertaan lebih 2 juta rakyat telah menghancurkan segala harapan terakhir Park untuk menyelamatkan dirinya. Rakyat Korea menuntut supaya Park undur tanpa sebarang syarat!

Rakyat Korea Selatan telah menunjukkan bahawa kuasa rakyat boleh menjatuhkan pemerintah dan membawa perubahan. Dengan perhimpunan lilin setiap minggu secara konsisten, seorang Presiden yang enggan letak jawatan akhirnya perlu dipecat.

Perjuangan demokrasi yang berterusan

Korea Selatan pernah melalui jalan berliku-liku dalam proses perjuangan demokrasi. Selepas Perang Dunia II, Semenanjung Korea yang baru melepaskan diri daripada penjajahan Jepun telah dipisahkan menjadi dua buah negara akibat Perang Dingin, malah berlakunya peperangan yang dahsyat untuk 3 tahun. Selepas tamatnya Perang Korea, Semenanjung Korea dipecahkan kepada Korea Selatan dan Korea Utara. Korea Selatan telah digolong di bawah pengaruh kuasa imperialis Amerika Syarikat dan melalui 3 pemerintahan diktator kejam yang anti-komunis.

Pemerintah diktator Korea Selatan yang pertama ialah Syngman

Rhee. Pada tahun 1960, tercetusnya Revolusi April yang menjatuhkan pemerintahan Rhee. Namun, demokrasi berparlimen yang dimenangi dalam Revolusi April tidak bertahan lama apabila Park Chung-hee mengadakan kudeta ketenteraan pada bulan Mei 1961. Selepas Park dibunuh pada tahun 1979, Chun Doo-hwan telah melakukan kudeta untuk merampas kuasa. Chun telah membantai secara kejam kebangkitan demokratik rakyat Gwangju pada tahun 1980. Pada tahun 1987, tercetusnya Gerakan Demokrasi Jun yang akhirnya membawa kepada demokrasi berparlimen di Korea Selatan. Namun, Kebangkitan Jun pada tahun 1987 tidak menjatuhkan sepenuhnya kekuasaan tentera dan kerajaan yang menggantikan pemerintahan diktator Choi merupakan kerajaan yang konservatif. Pada tahun 1997 semasa berlakunya Krisis Kewangan Asia, pertukaran parti pemerintah telah berlaku dan golongan liberal berjaya mengambilalih kuasa. Golongan liberal yang memerintah untuk 10 tahun telah melaksanakan dasar ekonomi neoliberal yang mengancam kepentingan rakyat bawahan. Golongan konservatif kanan kembali berkuasa pada tahun 2007. Anak kepada bekas diktator Park Chung-hee, iaitu Park Geun-hye, telah menang dalam pilihanraya Presiden pada tahun 2012, menyambung pemerintahan rejim konservatif kanan. Park Geun-hye telah memerintah dengan cara autoritarian yang baru, menyekat ruang demokrasi dan menindas gerakan pekerja, demi melindungi kepentingan golongan kapitalis. Perjuangan rakyat Korea Selatan tidak pernah berhenti, sama ada semasa pemerintahan kuku besi ataupun dalam keadaan adanya demokrasi tetapi kerajaan masih pro-kapitalis.

Gelombang kebangkitan rakyat Korea Selatan yang terbaru ini telah memberi tamparan yang hebat kepada kuasa politik konservatif kanan. Kejatuhan Park kerana mobilisasi rakyat yang hebat adalah kemenangan untuk demokrasi dan rakyat Korea Selatan. Sekali lagi, terbuktnya bahawa massa rakyat yang turun ke jalanan, adalah penggerak yang sebenar untuk demokrasi. ##

AS

Kuasa rakyat hentikan projek paip minyak

Selalunya, kita hanya mendengar cerita mengenai kekejaman tindakan kerajaan Amerika Syarikat (AS) mencetuskan peperangan di Timur Tengah atau bagaimana kuasa tentera AS menggugat kententeraman di dunia dan sebagainya. AS sering dikecam dan dikritik sebagai pembuli terbesar di dunia.

Jarang sekali kita dengar mengenai perjuangan rakyat Amerika itu sendiri menentang kekejaman kerajaan AS ke atas rakyat mereka sendiri. Isu pembinaan saluran paip mengangkut minyak mentah yang amat besar, yang dikenali sebagai *Dakota Access Pipeline*, merupakan satu isu yang menjejaskan alam sekitar dan menceroahi tanah adat orang asal di AS.

Saluran paip minyak ini sejauh 1,134 batu akan berupaya membawa 470,000 tong minyak mentah dari pusat carigali Bakken Field di Dakota Utara (*North Dakota*) ke bandaraya Chicago. Pembinaan saluran paip ini dibantah kerana saluran ini akan melalui hulu Sungai Missouri. Hulu Sungai ini menjadi punca air yang sangat penting bagi suku kaum Orang Asal Amerika yang dikenali sebagai *Standing Rock Sioux Tribe*.

Sejak 10 tahun yang lepas, telah berlaku pelbagai kejadian retakan paip minyak mentah ini yang menyebabkan pencemaran yang agak teruk kepada punca air sungai dan air bawah tanah. Maka, bukan sahaja sumber air untuk suku kaum Sioux yang akan terjejas, tetapi sumber air untuk jutaan penduduk yang mengharapkan sungai Missouri juga akan terjejas.

Pembinaan saluran paip minyak Dakota ini menerima tentangan yang kuat bukan sahaja daripada kaum Sioux, tetapi lebih 200 suku kaum orang asal di Amerika Syarikat. Kaum Sioux juga telah memfailkan aduan terhadap projek paip minyak ini kerana ianya akan menghancurkan cara hidup, budaya dan sosial mereka yang telah dipelihara dari generasi ke generasi. Saluran paip ini dikatakan akan menceroahi tanah wilayah suci orang asal Amerika. Walaupun dengan bantahan rakyat ini, syarikat pembinaan telah meneruskan kerja-kerja pembinaannya.

Apa yang tidak dijangka oleh kapitalis pembina projek ini adalah, protes ini menerima sokongan yang begitu menakjubkan daripada seluruh rakyat AS. Lebih 30 organisasi pencinta alam sekitar seperti Greenpeace dan Sierra Club telah membantah projek ini dan menulis petisyen kepada Presiden Obama.

Syarikat pembinaan paip minyak ini menggunakan anggota keselamatan swasta dan menyerang para demonstran suku kaum Sioux dengan menggunakan anjing, penembur lada, gas pemedih mata dan kekerasan. Jentera-jentera pembinaan juga dipercayai telah



menceroahi dan merosakkan pelbagai kawasan pengebumian nenek moyang suku kaum Sioux. Ramai yang melakukan aksi protes di lokasi pembinaan tersebut juga ditahan.

Pada akhir bulan November yang lalu, demonstrasi aman tersebut berubah wajah apabila polis bertindak menggunakan kekerasan. Apabila para demonstran cuba untuk mengalihkan halangan yang didirikan oleh pihak polis, pasukan tentera dan Pengawal Kebangsaan AS bersama dengan polis telah menyerang para demonstran dengan menembak peluru getah, gas pemedih mata dan juga meriam air.

Tindakan tersebut sungguh kejam kerana cuaca di kawasan tersebut adalah amat sejuk di bawah paras beku, dan pihak polis menembak para demonstran aman dengan meriam air yang sejuk. Ini menyebabkan ramai yang diserang hipotermia.

Dilaporkan seramai 300 orang cedera dalam serangan tersebut dan dikejarkan ke hospital yang berdekatan.

Pada awal bulan Disember lalu, perjuangan orang asal Sioux di Standing Rock menerima sokongan yang tidak disangka, apabila seramai 2000 orang veteran bekas tentera AS yang telah meninggalkan peperangan dan tentera turun ke kem bantahan di Standing Rock. Para veteran ini tidak bersetuju dengan peperangan AS di Timur Tengah dan berkempen menentang peperangan AS ini.

Tetapi pihak tentera juga digunakan untuk melaksanakan projek ini, iaitu *Army Corps of Engineers*. Mereka ini bekerja untuk kapitalis dalam pembinaan saluran paip minyak ini. *Army Corps of Engineers* ini memberikan tarikh akhir kepada aktivis yang berprotes bahawa mereka mesti mengosongkan tapak protes mereka, jika tidak kem protes mereka akan diserang dan lokasi tersebut akan dirampas secara kekerasan.

Apabila amaran terbaru ini dikeluarkan oleh *Army Corps of Engineers*, lebih ramai lagi rakyat turun ke Standing Rock membanjiri lokasi kem bantahan untuk memberikan sokongan kepada kaum Sioux. Pada 3 Disember lalu, seramai 10,000 orang telah menyertai protes

ini di kem bantahan.

Pelbagai protes juga diadakan di hadapan bank-bank yang membiayai projek ini di beberapa bandaraya di AS.

Pada 4 Disember lalu, tiba-tiba sampainya berita bahawa kebenaran syarikat untuk membina paip minyak di bawah sungai ditarik balik, maka secara tidak langsung menangguhkan projek ini.

Walaupun presiden baru AS Donald Trump menyokong projek ini, tetapi ianya amat jelas bahawa kuasa rakyat dapat menghentikan pembinaan paip minyak Dakota ini buat seketika.

Trump sebagai ketua tentera apabila beliau mengambil kuasa bulan Januari 2017, mungkin boleh mengarahkan tentera menyerang para demonstran dan memecahkan blockade serta kem bantahan mereka di Standing Rock.

Namun, sepertimana kuasa rakyat telah turun menghentikan projek ini, kita berharap perjuangan ini akan berterusan untuk memelihara tanah adat orang asal Sioux dan alam sekitar. ##



PSM dalam tahun 2016

Kempen Tabung Pemberhentian Kerja



PSM telah melancarkan Kempen Tabung Pemberhentian Kerja dengan mengadakan jelajah ke seluruh negara untuk memberi penerangan kepada orang ramai dan mengutip tandatangan sokongan bagi kempen ini. Sambutan untuk kempen ini amat menggalakkan.

PSM juga melancarkan talian hotline aduan pemberhentian kerja. Banyak aduan telah diterima termasuklah pembuangan pekerja di kilang roti High5, AAM dan sebagainya.

Perjuangan petani Perak

Petani dan penternak di negeri Perak masih menghadapi pelbagai ancaman pengusiran paksa daripada pihak kerajaan negeri dan pemaju tanah. Antara kawasan yang menghadapi insiden pengusiran pada tahun 2016 adalah Sungai Siput, Kampar, Mambang Diawan, Tronoh dan lain-lain lagi. PSM telah bersama dengan petani dalam perjuangan untuk mempertahankan hak tanah dan juga jaminan makanan untuk masyarakat umum.



Peserta aksi Occupy Kastam dilepaskan



Pada 13 Oktober, Mahkamah Sesyen di Petaling Jaya telah memutuskan untuk melepaskan tanpa membebaskan 79 orang yang ditangkap pada 23 Mac 2015 dalam satu aksi membantah pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST). Kebanyakan yang dituduh dalam kes ini adalah anggota PSM.

Solidariti untuk perjuangan Orang Asli

PSM telah bersolidariti dengan masyarakat Orang Asli di Pahang dan Kelantan yang sedang memperjuangkan hak tanah adat mereka daripada kemusnahan akibat kerakusan segelintir kecil orang berkepentingan.



Himpunan Seribu Pejuang

Himpunan Seribu Pejuang telah diadakan pada 2 Oktober di Ipoh, yang dihadiri oleh pejuang-pejuang masyarakat akar umbi dari pelbagai latar belakang (pekerja ladang, pekerja kilang, peneroka bandar, petani, pemandu van kilang dan sebagainya). Himpunan ini meraikan kemenangan perjuangan rakyat dan juga memberi dorongan untuk meneruskan perjuangan rakyat akar umbi.



Persidangan Meja Bulat tentang Pekerja Migran

PSM bersama dengan Gabungan untuk Hak Pembelaan Pekerja Migran telah menganjurkan satu siri persidangan meja bulat untuk melakar dasar komprehensif tentang migrasi buruh. Siri perbincangan meja bulat ini telah dihadiri oleh wakil kerajaan, pihak majikan, pertubuhan bukan kerajaan, ahli akademik dan individu yang prihatin pada isu pekerja migran.



Bantah Skim Pesakit Bayar Penuh

PSM telah tegas membantah Skim Perkhidmatan Pesakit Bayar Penuh (PPBP) yang dirancang untuk diperluaskan di 8 buah lagi hospital kerajaan. Skim PPBP bukan sahaja tidak akan selesaikan masalah penghijrahan doktor ke sektor swasta, malah akan menjejaskan lagi perkhidmatan di hospital kerajaan.

Kursus Kilat Marxisme dihalang polis

Kursus Kilat Marxisme yang dijadualkan pada 20 Mac telah dihalang oleh polis. Penganjur telah dipanggil untuk diambil keterangan oleh polis. PSM membantah tindakan pihak polis yang menghalang aktiviti bersifat ilmiah.



Pekerja kontrak tuntutan hak



PSM telah mengendalikan isu berkaitan dengan pekerja kontrak yang diupah untuk bekerja di premis kerajaan, seperti sekolah dan hospital. Pada 15 September, pekerja-pekerja kontrak sekolah telah berprotes di hadapan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk menyuarakan bantahan mereka terhadap sistem kontrak yang memangsakan pekerja.

Kajian tentang kemiskinan luar bandar

PSM telah menjalankan satu siri kajian tentang kemiskinan luar bandar di Semenanjung dengan mengadakan lawatan ke kawasan pekebun kecil getah, petani sawah dan nelayan.



Aksi di hadapan Jabatan Kastam Kelana Jaya bersempena dengan genapnya setahun pelaksanaan GST.

Sudut Komik

Bagaimana Skim Pesakit Bayar Penuh berfungsi?

